


Jilid 1
Bil. 7



Hari Jumaat
15hb Disember, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 545]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 571]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P., S.D.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 15hb Disember, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI
EKONOMI ASEAN**

1. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang dicapai di dalam Persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang telah diadakan baru-baru ini di Jakarta dan perhubungan negara-negara ASEAN dengan Kesatuan Ekonomi Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Kanada dan New Zealand.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, pada mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Jakarta dahulu, kejayaan berikut telahpun tercapai:

- (i) Bertambahnya jumlah barangan yang dimasukkan di dalam Preferential Trading Arrangement (P.T.A.) ASEAN;
- (ii) Projek-projek Urea (untuk Malaysia dan Indonesia) telah diterima sebagai projek ASEAN.

Berkenaan dialog dengan negara-negara ketiga berbagai kejayaan telah dicapai dalam bidang kerjasama perdagangan, pembangunan, sosial, kebudayaan, teknikal dan perusahaan dengan negara-negara Australia, New Zealand dan Jepun. Bagi negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah, Kanada dan Amerika Syarikat pula, negara-negara ASEAN sedang berusaha untuk membentuk

asas/rangka kerjasama dan perhubungan dengan mereka dalam bidang-bidang kerjasama yang sama.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah sebab bahawa Kerajaan kita memilih perusahaan kilang baja urea dijadikan satu kilang yang ditetapkan kepada negara kita sedangkan kilang itu juga didirikan di Indonesia, sedangkan negara-negara lain memilih perusahaan-perusahaan lain yang tidak sama sebagaimana negeri kita dengan Indonesia.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali bahan asas (base material) bagi perusahaan ini terdapat di Malaysia ini, iaitu daripada gas yang telah dijumpai di negeri Sarawak. Yang kedua, keperluan baja urea dalam negeri ini adalah meningkat dan baik kerana kemajuan pertanian kita. Pada setakat ini, iaitu setakat pengeluaran projek urea, unit yang telah diberi taraf ASEAN di Indonesia itu tidak mencukupi untuk mengisikan keperluan seluruh pasaran di ASEAN ini dalam masa yang akan datang.

PERTUKARAN GURU-GURU

2. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai guru-guru mengajar di sekolah-sekolah di bandar sahaja dan sama ada beliau akan membuat satu kajian secara menyeluruh supaya tiap-tiap guru itu boleh atau akan ditukar ke mana jua di dalam Malaysia.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang

Berhormat itu tidak begitu tepat. Kementerian saya sudahpun membuat satu kajian secara menyeluruh mengenai masalah pertukaran guru-guru di negara ini. Berasas kepada kajian inilah maka Kementerian saya telah dan sedang mengamalkan sistem giliran (rotation system) di dalam pertukaran guru-guru di negara ini. Sistem giliran ini memberi peluang kepada guru-guru yang telah berkhidmat selama 5 tahun di luar bandar bertugas di bandar pula.

Guru-guru juga boleh ditukarkan ke mana-mana juga di Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak) bergantung kepada keperluan perkhidmatan guru-guru tersebut.

Bagaimanapun, memang ada sebilangan kecil guru-guru terpaksa berkhidmat di bandar sahaja kerana sebab-sebab yang tertentu difikir menasabah. Begitu juga keadaan guru-guru di luar bandar pula yang tidak bertukar oleh sebab faktor-faktor yang sama.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran mengenai isteri-isteri pegawai tinggi yang pada biasanya hanya mengajar di bandar dan mereka ini tidak pernah mengajar sama sekali di luar bandar kerana keadaan suami mereka. Bolehkah diberi sebab-sebab, adakah ini satu sebab yang menasabah seperti yang dimaksudkan di dalam jawapan tadi.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran supaya pertama, keadaan dan suasana keluarga seorang guru itu dipelihara supaya guru-guru itu dapat bertugas dengan lebih dedikasi dan disiplin. Satu daripada faktor (bukan faktor utama) bolehlah difikir bahawa isteri-isteri pegawai yang bertugas sama ada di luar bandar ataupun di mana ditugaskan bersama-sama dengan suami-suami mereka, tetapi mulai dari tahun ini tidak digalakkan supaya isteri pegawai-pegawai itu ditukar secara spontaneous apabila pegawai itu bertugas di bandar besar. Ini adalah untuk mengelakkan pelajaran di sekolah-sekolah di mana guru itu bertugas terjejas. Dasar Kementerian Pelajaran yang baru ialah supaya pada hujung tahun ataupun awal tahun sama ada isteri pegawai rendah ataupun pegawai tinggi ditukar untuk bersama-sama dengan suami mereka.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah dijadikan satu amalan Kementerian Pelajaran ini bahawa apabila seseorang guru telah membuat satu kesalahan maka diadakan tatatertib guru itu dihantar mengajar di luar-luar bandar atau ke kampung di hulu-hulu supaya menjadi satu keinsafan kepada mereka dan menjadi cermin kepada guru-guru yang lain.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah menjadi amalan Kementerian Pelajaran untuk menghantar guru-guru yang dianggap mempunyai kesalahan dari segi disiplin ataupun kesalahan-kesalahan lain sebab amalan seperti ini adalah tidak adil. Kesalahan-kesalahan seperti itu tidak akan melibatkan guru-guru itu ditukar ke luar-luar bandar.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sekejap tadi bahawa menjadi amalan Menteriannya iaitu seseorang pegawai ataupun guru berkhidmat bersama dengan isterinya di kawasan-kawasan yang sama. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada berlaku guru-guru yang ditukarkan daripada negeri Kelantan ke Selangor, sedangkan isterinya masih mengajar di negeri Kelantan sampai hari ini dan masa itu telah berlaku hampir setahun. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar keadaan ini berlaku?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat ada mempunyai kes-kes yang tertentu, silalah rujukan kepada Kementerian saya dan Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Bagaimanapun mungkin terdapat dua tiga kes di mana seorang isteri masih tinggal di satu-satu negeri dan suaminya ditukar ke negeri lain dalam jangka period yang transition dan sepertimana yang saya telah terangkan lebih awal tadi supaya keadaan keluarga itu lebih selesa, pihak Kementerian Pelajaran seboleh-bolehnya menukarkan suami dan isteri bertugas di suatu tempat yang sama.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan sedar bahawa amalan tukar suka sama suka ini melibatkan

kelemahan di sekolah, sebab ini menyebabkan kekurangan keahlian seseorang guru dalam sekolah itu dengan sebab dia ditukarkan suka sama suka. Adakah amalan ini digalakkan oleh Kementerian Pelajaran? Apa yang saya tahu sekarang ialah apabila bertukar, kita tidak boleh dapat guru yang profesional mengajar dalam tiap-tiap satu mata pelajaran yang tertentu.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah menjadi amalan Kementerian Pelajaran untuk menukar guru dari suatu tempat ke suatu tempat ataupun dari satu negeri ke satu negeri secara berasaskan suka sama suka. Penukaran guru-guru yang kadangkala melibatkan suami isteri adalah berasaskan kepada keperluan sesebuah negeri ataupun berasaskan kepada kenaikan pangkat seseorang guru itu. Kalau seorang guru ditukar oleh kerana naik pangkat ataupun oleh kerana keperluan negeri-negeri yang tertentu yang tidak melibatkan isterinya, maka terpaksalah Kementerian Pelajaran memikirkan supaya kesejahteraan keluarga mereka dapat dijamin akibat daripada penukaran seseorang suami, bukan menjadi amalan secara suka sama suka.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang memberi nasihat kepada guru-guru berkahwin antara guru sama guru (*Ketawa*).

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran bukanlah Marriage Bureau untuk menasihati supaya guru-guru berkahwin di antara guru dengan guru. Bagaimanapun mungkin menjadi ke-laziman di antara mereka yang mempunyai percampuran yang lebih erat terutama sekali guru-guru di sekolah-sekolah, keadaan membolehkan mereka berkahwin sesama guru.

KECEMARAN ALAM SEKITAR

3. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu telah diambil bagi menyekat keadaan yang meningkat terhadap pencemaran asap yang dikeluarkan oleh lori-lori dan kenderaan-kenderaan yang menggunakan enjin diesel dalam Ibu Negara Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat:

- (1) Kerajaan sudahpun mengadakan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Undang-undang Lalulintas, 1958, Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas), 1977 bagi mengawal pencemaran alam sekitar daripada asap yang dikeluarkan oleh lori-lori dan kenderaan-kenderaan yang menggunakan enjin diesel.
- (2) Bagi Wilayah Persekutuan termasuk ibu negara Kuala Lumpur tarikh kuatkuasa kaedah-kaedah itu ialah pada 15hb Mac 1978.
- (3) Kenderaan perdagangan yang kebanyakannya menggunakan enjin diesel adalah dikehendaki diperiksa oleh Jabatan Pengangkutan Jalan tiap-tiap 6 bulan sekali, termasuk dalam pemeriksaan ini ialah ujian terhadap asap yang dikeluarkan oleh kenderaan itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Apa takrif Kementerian ini dapat mengukur asap yang keluar daripada lori-lori atau motor itu dikatakan mencemarkan alam ataupun menjadi satu kesalahan kepada lalulintas kita?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan ada mempunyai alat yang dikatakan Electric Smoke Meter. Tiap-tiap asap yang melebihi daripada 50 f.u. (electric smoke meter unit), ini adalah dikatakan melanggar undang-undang itu.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Adakah benar Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa asap lori yang menyebabkan pencemaran alam di ibukota ini, tidak kilang-kilang. Itu yang saya hendak tahu, adakah asap lori yang keluar itu menyebabkan pencemaran alam di ibukota ini lebih daripada kilang-kilang?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidaklah dapat mengatakan bahawa pencemaran udara yang berlaku di ibukota ini hanyalah semata-mata disebabkan oleh asap-asap lori atau seumpamanya kerana ada banyak sebab-sebab lain yang menyebabkannya.

RANCANGAN "PRIVATE PACKAGE CONTRACT"

4. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Rancangan 'Private Package Contract' sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan di dalam mesyuarat Dewan Negara yang lalu di mana syarikat-syarikat swasta akan diberikan kontrak untuk membina jalanraya dengan perbelanjaan mereka sendiri dan mereka disebaliknya pula dibenarkan mengutip tol untuk mendapat balik harga projek-projek itu, telah dimulakan, jika ya, nyatakan jalanraya-jalanraya itu, panjangnya harga pembinaan dan kadar tol yang akan dikenakan; jika tidak, nyatakan sejauh mana perundingan yang masih dibuat dengan syarikat-syarikat yang menaruh minat di dalam Rancangan ini dan sebutkan nama syarikat-syarikat itu.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu rancangan 'Private Package Contract' sebagaimana yang telah diumumkan baru-baru ini akan dilaksanakan. Di dalam rancangan ini projek-projek pembinaan jalanraya yang terlibat daripada utara ke Selatan Semenanjung Malaysia adalah terbahagi kepada beberapa seksyen seperti berikut:

- (i) Dari Alor Setar ke Changkat Jering, sepanjang 108 batu.
- (ii) Dari Changkat Jering ke Ipoh dan Bidor, sepanjang 73 batu.
- (iii) Dari Tanjong Malim ke Kuala Lumpur, sepanjang 48 batu.
- (iv) Dari Seremban ke Air Hitam dan Kulai sepanjang 141 batu.
- (v) Dari Kulai ke Tampoi sepanjang 16 batu.
- (vi) Jalan baru di Lembah Kelang (New Klang Valley Expressway) sepanjang 37 batu.

Perlu dimaklumkan bahawa pada masa sekarang semua seksyen-seksyen yang tersebut di atas kecuali seksyen dari Changkat Jering ke Ipoh dan Bidor masih di dalam peringkat kajian awal. Oleh itu butir-butir lanjut mengenai projek ini tidak dapat diberikan.

Seksyen dari Changkat Jering ke Ipoh telah siap rekabentuknya. Walau bagaimanapun pada masa sekarang tindakan sedang diambil untuk mengulangkaji rekabentuk jalan ini bagi maksud 'Package Deal Contract'. Surat-suratan tawaran (tender document) juga sedang disediakan semula.

Sementara itu sebanyak 15 Konsortia telah menunjuk minat untuk ditapis kelayakan mereka sebelum diminta membuat tawaran bagi projek ini. Pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji taraf Konsortia-konsortia tersebut secara 'prequalification' dan adalah dijangka tawaran bagi pembinaan projek akan dipanggil sebelum pertengahan tahun 1979. Butir-butir lanjut yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat seperti perbelanjaan, kadar tol dan lain-lain belum dapat disediakan pada masa ini.

KEMALANGAN JALANRAYA

5. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa bilangan kes-kes kemalangan jalanraya telah meningkat dari masa ke semasa dan didapati kebanyakan kemalangan berlaku adalah berpunca dari kenderaan berat seperti lori balak dan lori traktor yang terlibat; dan
- (b) jika ya, samada beliau bercadang supaya mengadakan satu Rang Undang-undang Lalulintas mewajibkan mahkamah membatalkan lesen-lesen pemandu terhadap pemandu-pemandu kenderaan berat yang berat muatannya lebih daripada 5 ton yang didapati bersalah dalam kemalangan jalanraya dan mengakibatkan kematian.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini:

- (a) Saya sedar.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sedia ada di bawah Undang-undang Lalulintas 49/58 mewajibkan Mahkamah menggantungkan lesen memandu kepunyaan pemandu-pemandu segala jenis kenderaan termasuk kenderaan perdagangan seperti kenderaan berat dengan muatan lebih daripada 5 ton yang didapati bersalah

dalam kemalangan jalanraya yang mengakibatkan kematian. Selain dari itu peruntukan Undang-undang juga sedia ada yang mana pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah diberi kuasa untuk menggantung atau membatalkan lesen driver kenderaan perdagangan yang digunakan bertentangan dengan Undang-undang tersebut. Kementerian saya berpuashati atas peruntukan yang sedia ada mengenai perkara ini. Oleh itu saya tidak bercadang mengadakan satu Rang Undang-undang Lalulintas mewajibkan Mahkamah membatalkan lesen memandu kepunyaan pemandu kenderaan berat yang didapati bersalah dalam kemalangan jalanraya yang mengakibatkan kematian.

PELABURAN EEC DAN CUKAI IMPOT

6. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) kejayaan yang telah dicapai oleh perwakilan yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri dalam meninggikan pelaburan oleh EEC kepada Malaysia; dan
- (b) sejauh mana permintaan Malaysia dalam pengecualian cukai impot ke atas barangan buatan Malaysia dipenuhi.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya menjawab bagi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Berhubung dengan soalan (a), sukacita saya memaklumkan iaitu soalan tersebut telahpun dijawab semasa Yang Berhormat Menteri menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Ibrahim bin Abdullah pada 26hb Oktober, 1978.

Berhubung dengan soalan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat ingin saya memaklumkan bahawa pada masa ini Malaysia berserta dengan negara-negara membangun masih berunding dengan negara-negara maju di Rundingan Perdagangan Banyak Hala (Multilateral Trade Negotiation) bagi mendapatkan kelonggaran cukai dan konsessi yang terbaik untuk barang-barang buatan Malaysia. Setakat ini tawaran-tawaran yang telah diberikan tidaklah begitu memuaskan. Walau

bagaimanapun, usaha-usaha sedang diteruskan untuk mendapatkan kelonggaran yang lebih berfaedah kepada Malaysia.

ASEAN—BANTUAN PINJAMAN DARI JEPUN

7. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kewangan menyatakan setakat ini berapa banyak bantuan pinjaman yang telah diperolehi dari negara Jepun oleh Malaysia di bawah rancangan bantuan ekonomi negara itu kepada negara-negara ASEAN.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berhubung dengan bantuan kewangan untuk membiayai projek-projek perindustrian ASEAN yang pernah dijanjikan oleh negara Jepun, satu soalan yang hampir sama telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat pada 12-10-78 kepada soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Lee Boon Peng.

Dua daripada projek iaitu Projek Baja Urea di Indonesia dan di Malaysia telah didapati sesuai (suitable) untuk dilaksanakan sebagai projek-projek perindustrian ASEAN sementara projek yang tiga lagi itu iaitu bagi Filipina, Singapura dan Thailand adalah dalam peringkat kajian kemungkinan.

Butir-butir mengenai bantuan pinjaman yang akan diperolehi dari negara Jepun bagi projek perindustrian ASEAN di Malaysia sedang disiapkan untuk dikemukakan secara rasmi kepada Kerajaan Jepun. Sebaliknya pula kalau soalan Yang Berhormat itu dimaksudkan Bantuan Pinjaman Yen (Yen Credit) yang telah diperolehi oleh Malaysia dari negara Jepun untuk membiayai projek-projek pembangunan suka saya memaklumkan bahawa jumlah yang sebenarnya diperolehi (committed) setakat ini ialah sebanyak 62,990.3 juta Yen ataupun lebih kurang \$712 juta.

JAWATANKUASA PEMULIHAN DADAH

8. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) adalah difahamkan bahawa Kementerian telah menubuhkan sebuah jawatankuasa di peringkat negeri dan daerah

berkaitan dengan pemulihan dadah dan jika ya, apakah tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini dan pejabat-pejabat di mana jawatankuasa ini boleh mendapat kemudahan untuk menjalankan tugas-tugasnya;

- (b) sama ada Kementerian berpendapat bahawa jawatankuasa tersebut boleh mengurangkan kejadian penyalahgunaan dadah; dan
- (c) selepas penagih-penagih dipulihkan, di mana mereka ditempatkan dan sama ada terdapat industri-industri, firma-firma atau syarikat-syarikat perniagaan yang sudi menerima mereka bekerja.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya sedang berusaha menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Dadah di peringkat daerah dalam semua negeri. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pemulihan Dadah ini pada keseluruhannya ialah untuk membantu Pegawai Kebajikan Masyarakat dalam menjalankan kerja-kerja penyeliaan penagih dadah serta pemulihan lanjutan kepada bekas penagih dadah supaya seboleh-bolehnya mereka mendapat latihan dan pekerjaan dan dapat kembali semula kepangkuan masyarakat. Jawatankuasa ini juga menggalakkan orang ramai sama-sama berusaha mencegah penyalahgunaan dadah. Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat dan wakil dari Jabatan Kesihatan, Jabatan Polis, Pejabat Pekerjaan, Pejabat Pelajaran, Pertubuhan-pertubuhan Sukarela seperti PEMADAM, kelab-kelab perkhidmatan seperti Kelab Rotary, Lion, firma-firma dan kilang-kilang. Biasanya Jawatankuasa ini menggunakan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk menjalankan tugas mereka. Dengan penyertaan berbagai golongan dalam Jawatankuasa ini mereka juga boleh mendapat kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

(b) Adalah diharapkan bahawa Jawatankuasa Pemulihan Dadah itu akan menarik perhatian orang ramai terhadap masalah yang dihadapi oleh penagih-penagih dadah supaya anggota masyarakat dari berbagai lapisan akan tampil ke hadapan bekerjasama dengan mereka dan dengan ini diharap penyalahgunaan dadah akan dapat dikurangkan.

(c) Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat sentiasa mengadakan perhubungan rapat dengan majikan-majikan penagih dadah semasa mereka menerima rawatan pemulihan di pusat-pusat pemulihan dadah untuk menentukan supaya mereka dapat diterima semula bekerja apabila mereka telah pulih kelak.

Di kalangan pihak swasta masih terdapat kesulitan akibat prasangka umum terhadap penagih-penagih dadah. Dengan adanya sokongan daripada Jawatankuasa Pemulihan Dadah masalah kerumitan mendapat kerja bagi bekas penagih dadah itu diharapkan akan dapat diatasi.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:
Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri kepada orang-orang yang sudah pulih itu apabila dia keluar maka kembali balik penyakit menghisap dadah itu semula.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah penyakit dadah ini adalah masalah penagih dadah, kalau dia sudah keluar daripada Pusat Pemulihan kita, dia menagih semula, kalau dia hendak balik mendapat rawatan, kita ambil dia. Tetapi kebanyakan mereka ini yang masuk dua tiga kali pun ada, tetapi kita tidaklah pula mengambil tindakan undang-undang kerana ini adalah masalah persendirian.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:
Tuan Yang di-Pertua, semasa Senators ataupun Ahli-ahli Parlimen daripada Turkey datang melawat ke Malaysia, saya telah bertanya, apakah sebabnya Turkey mengeluarkan bahan dadah ini cukup banyak daripada negeri itu. Adakah orang Turkey menagih dadah? Jawabnya tidak ada, boleh dikatakan tidak ada satu persen pun orang Turkey mengidap penyakit dadah ini. Jadi, apakah sebabnya? Pertamanya, orang Turkey ini

beragama Islam dan Islam melarang menghisap dadah. Keduanya, Tanah Melayu ini heboh, ada ketua dadah, ada bapa dadah, ada emak dadah dan pejabat dadah tetapi dadah makin bertambah banyak heboh di seluruh negara.

Saya hendak bertanya oleh kerana anak-anak kita di sekolah-sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah tinggi, adakah atau tidak Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Guru-guru memberi penerangan kerana penyakit ini telah melarat betul. Ada orang kata dadah ini telah dibawa ke mari oleh kominis dan menyuruh orang Melayu menghisapnya supaya orang Melayu tidak berfikir langsung dan menjadi bodoh. Ini semua kita lupakan, adakah atau tidak penerangan-penerangan diberi oleh Kerajaan kepada anak-anak kita di sekolah-sekolah mengatakan dadah ini adalah berlawanan dengan ugama Islam, dadah ini tidak baik kepada kesihatan, tidak baik kepada masyarakat tetapi perkara ini tidak dibawa kepada sekolah, kita hanya asyik tunjukkan dadah dan dibawa atau diedar ke sana ke mari. Tetapi satu tidak jadi puncanya dari sekolah.

Tuan Yang di-Pertua pun ada pada malam itu. Katanya di negeri Turkey, di sekolah-sekolah memang diajar dan diasuh dengan mengatakan dadah ini biar menjadi ubat untuk injection tetapi jangan dimakan oleh orang-orang Turkey. Bolehkah atau tidak perkara ini dibuat di Tanah Melayu?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya masalah penerangan ini sudahpun dijalankan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa di antara Pusat-pusat Pemulihan Dadah di tanahair kita ini ada golongan yang menyeludupkan dadah itu untuk didapatkan kepada penghuni-penghuni dalam Pusat Pemulihan Dadah itu. Kalau sedar, apa langkah dibuat atas masalah ini supaya tidak berpanjangan.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar memang ada juga berlaku perkara-perkara begini tetapi tindakan sudahpun diambil dan pada masa ini bolehlah saya katakan perkara begini dikawal dengan ketatnya.

PENYAKIT TAUN

9. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menjauhkan penyakit taun yang menyerang dalam negeri kita sekarang ini dan apakah sebabnya penyakit ini boleh memakan masa panjang sehingga 2 atau 3 bulan tidak berhenti-henti nyatakan juga:

- (i) berapa buah negeri yang terlibat; dan
- (ii) berapa bilangan kematian bagi tiap-tiap negeri; dan tidakkah dapat dicegah penyakit ini dari berjangkit di masa akan datang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, taun ialah sejenis penyakit cirit-birit yang endemik di Malaysia. Dari tahun 1963 seterusnya, penyakit ini telah dilaporkan pada tiap-tiap tahun kecuali pada tahun 1966 dan tahun 1977. Di antara wabak-wabak, penyakit ini juga merebak disebabkan oleh pembawa-pembawa penyakit dan kes-kes yang ringan yang biasanya tidak datang untuk mendapatkan rawatan perubatan dan oleh kerana itu tidak dapat dikesan atau dilaporkan.

Kejadian yang meluas dan berterusan pada tahun 1978 ini adalah disebabkan beberapa faktor, termasuk:

- (1) Musim kemarau yang teruk dan berterusan di beberapa buah negeri, menyebabkan orang ramai menggunakan air yang dicemar oleh kuman kolera daripada punca-punca air seperti sungai, anak-sungai, parit dan perigi.
- (2) Ketiadaan tempat-tempat membuang najis dan kurang kebersihan di kawasan-kawasan yang terlibat seperti di kampung dan kawasan setinggan di bandar.
- (3) Punca-punca bekalan air yang mudah dicemari seperti sungai-sungai, parit, anak-sungai dan perigi.
- (4) Sebilangan besar pembawa-pembawa penyakit yang dikesan adalah merupakan sebuah "reservoir" jangkitan yang bahaya, lebih-lebih lagi jika mereka itu membahagi-bahagikan makanan (food handlers).
- (5) Kebebasan penduduk berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain juga menolong merebakkan penyakit ini (free movement of population).

- (6) Kekurangan kebersihan kawasan sekitar di kawasan-kawasan yang dijangkiti dan kekurangan kesedaran dan penglibatan dari berbagai pihak seperti masyarakat dan agensi-agensi yang tertentu.

Mengenai bilangan negeri yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua, semua negeri di dalam Malaysia ini telah terlibat kecuali Melaka.

Kes-kes taun dan kematian mengikut Negeri, sehingga 12-12-78 adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>kes kematian</i>	
Sabah	97	2
Sarawak	1	0
Kedah	318	8
Perlis	98	1
Penang	117	2
Perak	221	18
Selangor	40	1
Negeri Sembilan	4	0
Melaka	0	0
Johor	53	3
Pahang	164	6
Trengganu	135	4
Kelantan	344	17
Wilayah Persekutuan	35	2
Jumlah	1,627	64

Kadar kematian, walau bagaimanapun, telah berkurangan di dalam wabak sekarang. Sebahagian dari sebab kekurangan kadar kematian ialah perluasan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang disediakan di seluruh Malaysia, terutama di kawasan-kawasan pedalaman, dan kes-kes diberi rawatan dengan segera. Malangnya, terdapat juga kes-kes yang tidak mendapat rawatan perubatan langsung, ataupun lambat mendapat rawatan, dan inilah yang menyebabkan kadar kematian sebanyak itu.

Bilangan kes yang besar yang dikesan dan disahkan di dalam wabak sekarang sebahagian daripadanya adalah kerana penyiasatan-penyiasatan intensif yang dijalankan oleh kakitangan kesihatan di semua kawasan-kawasan yang terlibat. Ini ditunjukkan juga oleh bilangan besar (1,620) pembawa kuman

yang dikesan, iaitu orang-orang yang mengandungi kuman taun di dalam najisnya, tetapi tidak mengidap cirit-cirit ataupun muntah-muntah akibat daripadanya. Tanpa siasatan yang luas dan bersungguh-sungguh, banyak kes-kes dan pembawa kuman mungkin tidak dapat dikesan.

Penyiasatan epidemiologi oleh pasukan kesihatan telah menunjukkan iaitu di semua kawasan-kawasan yang terlibat secara berat, cara jangkitan ialah melalui air yang dicemari oleh kuman taun. Di kawasan-kawasan ini, bekalan air utama adalah dari sungai, parit, taliair dan perigi. Setakat ini, dari 10,930 contoh air yang diambil, 334 atau 3% dikesan mengandungi kuman taun. Selalunya, punca-punca bekalan air ini dicemarkan oleh cara pembuangan najis. Oleh kerana kes kolera boleh mengeluarkan berjuta-juta kuman kolera di dalam najis, pencemaran ke atas punca-punca bekalan air yang mengandungi najis-najis tersebut boleh menyebabkan wabak kolera.

Pasukan kesihatan telah menjalankan siasatan epidemiologi dengan cara yang luas, mengesan kes-kes kolera yang disyaki, mengesan pembawa-pembawa kuman, memberikan rawatan pencegahan bagi kontak (contacts) dan pembawa kuman, membubuh klorin pada punca-punca bekalan air yang dipercayai dicemar, dan membina tandas untuk mencegah daripada tercemarnya sungai-sungai dan lain-lain punca bekalan air oleh najis yang mengandungi kuman kolera.

Di kawasan di mana bekalan air diperlukan segera, kerjasama dari Jabatan Kerja Raya telah diminta untuk membekalkan air dengan menggunakan lori. Nasihat melalui pelajaran kesihatan dan ceramah kesihatan oleh pasukan kesihatan dan juga melalui sebaran am telah diberi kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang terlibat untuk meminum air yang telah dimasak, menjaga kebersihan diri, makan makanan yang dimasak dan menyimpan makanan dari di-hinggapi lalat. Suntikan taun telah juga dijalankan. Kes-kes dan pembawa kuman telah dirujuk kepada hospital untuk rawatan segera dan berkesan.

Tindakan Kementerian Kesihatan selanjutnya akan diperluaskan lagi bagi menentukan, bersama dengan rancangan bekalan air luar bandar, bahawa penduduk luar bandar akan

dalam sungai, saya rasa ini adalah sangat baik dan saya sangat-sangat bersetuju, tetapi masalah yang dihadapi oleh kita ialah masalah implementasi.

Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pergi ke sebuah kampung yang besar dan banyak rumahnya, saya tidak mahu menyebut negeri itu tetapi dalam Malaysia. Saya lihat hanya satu jamban sahaja untuk beberapa puluh buah rumah. Ini yang menjadi masalah besar kepada kita. Oleh sebab itu pihak Kerajaan khususnya pihak Kementerian Kesihatan pada masa ini memberi keutamaan kepada satu program ataupun projek Environmental Sanitation di mana kita menggalakkan dan membantu rakyat mengadakan jamban. Saya tidak dapat memberi angka perbelanjaan yang kita peruntukan bagi tahun ini tetapi sukalah saya menyatakan bahawa memang ada tambahan untuk perbelanjaan ini. Umpamanya, sehingga bulan Disember, 1978 ini bilangan tandas baru yang digunakan ialah 2,404 buah. Ini untuk Semenanjung Malaysia sahaja dan banyak lagi yang kita belum dapat laporan. Oleh itu kita memanglah menggalakkan rakyat kita supaya jangan membuang najis begitu rupa. Tetapi ini kadangkala ada kaitan dengan sikap seorang manusia. Saya telah mendengar satu cerita baru-baru ini di mana di Tanah Suci Kerajaan Saudi Arabia mengadakan beberapa buah tempat membuang air dengan stand pipe dan lain-lain lagi tetapi ada juga daripada orang-orang kita; bukan dari Malaysia, yang datang daripada negeri lain tidak mahu menggunakan jamban bahkan suka menggunakan di tepi-tepi air, sebelah tangan memegang tasbih tetapi sebelah tangan lagi membuat kerja lain. Ini attitude seseorang.

Mengenai makanan, memang ada sebelum seseorang itu mendapat lesen mereka terpaksa menjalani satu pemeriksaan kesihatan setakat yang saya tahu tetapi saya tidak dapat memastikan sama ada mereka diperiksa mengenai sebagai satu "carrier" kerana kalau kita hendak memeriksa tiaptiap seorang peniaga itu sama ada dia merupakan pembawa (carrier) kuman kolera dia mestilah mengalami apa yang dipanggil dalam bahasa Inggeris "Rectal Swab" iaitu suruh dia baring, dicucuk, selepas itu ambil "sample"nya hendak menentukan sama ada dia mengandungi kuman kolera atau tidak.

Walau bagaimanapun, saya menghargai cadangan Ahli Yang Berhormat itu yang merupakan satu cadangan yang membina.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri pihak Kajang Town Board di Ulu Langat membuang tong-tong najis ke dalam sungai oleh kerana undang hendak makan, dia masukkan ke dalam Sungai Kajang itu. Bolehkah atau tidak ditahan dengan serta-merta. Begitu juga dikatakan ikan tonggan sangat suka makan najis ini. Oleh sebab ini carrier juga bolehkah atau tidak dibuat begitu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil perhatian atas teguran Ahli Yang Berhormat itu dan saya akan mengarahkan pihak Kementerian Kesihatan membuat penyiasatan seperti aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat iaitu membuang najis ke dalam sungai di Ulu Langat itu.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebab merebaknya wabak taun seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah daripada aliran air sungai. Satu daripadanya ialah dengan cara membuang najis dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa cara memusnahkan bangkai lembu akibat daripada penyakit kuku dan mulut yang berlaku di negeri Kelantan sekarang ini yang mana pihak veterinary menanam bangkai-bangkai lembu yang dimusnahkan ini di tepi sungai terutama sekali di kawasan tanah lembah Sungai Kelantan di bawah Jambatan Sultan Yahya Petra itu, boleh melibatkan bila-bila masa sahaja, bila banjir datang kemungkinan tanah yang dikambuskan itu dibawa lari oleh air dan penyakit itu boleh merebak, mengalir ke sungai itu dan membawa kuman-kuman penyakit kuku itu dan boleh merebak kepada manusia pula.

Adakah keadaan ini telah mendapat restu ataupun mendapat kajian bersama oleh pihak Jabatan Kesihatan di negeri Kelantan dalam tindakan Jabatan Veterinary ini dengan mengambus binatang-binatang ternakan yang kena penyakit yang mengandungi kuman merbahaya itu di tanah lembah di bawah Jambatan Sultan Yahya Petra itu tidak melibatkan penyakit itu berjangkit kepada manusia melalui aliran sungai itu.

Dr Sulaiman b'n Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam masalah kesihatan ini memanglah Jabatan Veterinary bekerjasama dengan Medical Department di mana-mana negeri juga kerana ianya melibatkan kesihatan rakyat sama ada perbuatan yang dibuat seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi telah dikaji atau belum oleh pihak yang menjalankan perbuatan itu, saya tidaklah dapat memastikan. Walau bagaimanapun saya rasa mereka memang telah menyelidik atau mengkaji akibat tindakan yang diambil oleh mereka itu sama ada binatang-binatang yang berpenyakit itu menyebabkan merebaknya penyakit itu lagi, susah saya hendak memastikan kerana saya tidak dapat memastikan berapa lamakah kuman itu dapat hidup selepas dianya dibakar ataupun ditanam di dalam tanah. Kecuali jikalau kita tahu life span virus itu barulah kita dapat memastikan kemungkinan ianya berjangkit ataupun tidak.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian Kesihatan, sebagaimana yang kita ketahui membasmi punca-punca penyakit ini adalah tugas Kementerian Kesihatan sebagaimana juga membasmi kanak-kanak adalah tugas Kementerian Pelajaran. Jadi, nampak daripada estimate belanjawan yang sedang kita perbincangkan sekarang ini banyak peruntukan kerana membasmi kanak-kanak. Sekurang-kurangnya tidak ada lagi orang yang jahil di negara kita, sekolah-sekolah banyak didirikan dengan sempurna. Begitu juga dari segi pertanian, Kerajaan memang memberi subsidi atau memberi bantuan baja, memberi bantuan tanaman dan sebagainya dengan tujuan supaya rakyat Malaysia boleh berdiri di atas kakinya sendiri. Tetapi daripada kenyataan yang diberi oleh pihak Kementerian Kesihatan tadi, saya amatlah dukacita sekali. Nampaknya bantuan tidak sampai ke tengah atau ke tepi. Misalnya kerana hendak memberi bantuan galakan kerana mengadakan perigi-perigi atau jamban-jamban curah dan sebagainya sedikit sangat peruntukan yang diberikan. Bukanlah ini satu daripada tugas Kementerian Kesihatan, dia mesti melaporkan kepada Kerajaan supaya di seluruh negara ini lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar penduduk-penduduk di luar bandar itu mustahak menggunakan jamban curah dan menggunakan perigi kemudian adalah menjadi tugas pihaknya supaya mengemukakan

kepada Kerajaan supaya dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, berapa banyak perigi-perigi dan jamban-jamban curah yang mustahak didirikan. Kalau sekiranya pihak Kerajaan tidak melayan sebagaimana permohonan itu, barulah menjadi tugas Ahli-ahli Parlimen ini memperdebatkan supaya menyokongnya. Bukannya mesti tunggu apakala taun ada di kawasan itu barulah laporan itu dihantar kepada Kerajaan kemudian diminta peruntukan supaya diadakan kawalan di situ. Saya fikir ini tidak kena pada dasarnya.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jaminan di sini bahawa Kementerian Kesihatan bukan hanya bertindak selepas perkara seperti kesakitan dibangkit di dalam Parlimen seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Kementerian Kesihatan mempunyai satu tanggungjawab yang tertentu. Saya suka menafikan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi selepas perkara itu dibangkitkan, barulah tindakan akan diambil. Begitu juga seperti dikatakannya tadi, membasmi punca-punca penyakit itu adalah tugas Kementerian Kesihatan. Ini adalah kurang tepat, Tuan Yang di-Pertua.

Membasmi penyakit adalah tugas tiap-tiap seorang rakyat. Masalah health is an individual responsibility. Umpamanya kolera. Jikalau kita bercakap di dalam radio supaya dimasak air minuman, tutupkan barang makanan, kalau rakyat tidak menyambut seruan itu tentu masih lagi boleh kena penyakit kolera, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang saya maksudkan, tidak bolehlah kita mengatakan ini tugas Kementerian Kesihatan semata-mata. Ini saya suka memberi penjelasan supaya jangan adanya rakyat kita terkeliru. Asal ada disebut masalah kesihatan: Oh, itu tugas doktor, tugas Kementerian Kesihatan. Tidak sama sekali. Sepertimana kita tahu, tanggungjawab mengenai kesihatan seseorang itu adalah tanggungjawab kita bersama atau tanggungjawab individu.

Mengenai jamban curah, ini memang digalakkan bahkan Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan mempunyai satu program dan plan yang tertentu yang kita mesti jalankan berperingkat-peringkat. Tidak dapat kita hendak melaksanakan pembinaan jamban-jamban curah umpamanya serentak

diseluruh negara. Tetapi saya sukalah memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tindakan memang sentiasa diambil oleh pihak Kementerian ini dengan membuat satu koordinasi dan juga menjalankan tugas membuatkan jamban-jamban. Bahkan ada juga di beberapa tempat di mana kita tidak mampu menerima semua permohonan ini oleh kerana kekurangan kakitangan. Oleh itu, kita mesti minta kerjasama daripada pihak rakyat. Sebab itulah ada satu rancangan di mana pihak Kementerian Kesihatan mengadakan plastic ball dan juga simen serta tangki air untuk menolong rakyat khususnya rakyat yang miskin.

KECURIAN DAN ROMPAKAN DI SEMPADAN

10. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan pada masa sekarang di Negeri Perlis banyak berlaku kecurian dan rompakan motosikal, motokar, kerbau lembu, bot-bot nelayan dan lain-lain. Kebanyakan di Kawasan Sempadan dengan Negeri Jiran (Thailand) di laut dan di darat. Apakah langkah Kementerian ini untuk mengatasi masalah tersebut lebih berkesan lagi supaya perkara ini tidak berluasan dan rakyat menanggung kerugian.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha membendung dan mencegah jenayah-jenayah rompakan dan kecurian di kawasan sempadan, samada di laut ataupun di darat, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah tertentu sepertimana mengadakan gerakan-gerakan mencegah jenayah termasuk pocket operation dari semasa ke semasa dan mengadakan perhubungan rapat dengan pihak polis negara jiran khususnya Thailand dalam penukaran maklumat ke atas jenayah berkenaan untuk tindakan-tindakan mencegah kegiatan-kegiatan tersebut dan juga menambatkan lagi rondaan-rondaan laut oleh Pasukan Polis Merin dan juga rondaan serta juga pemeriksaan-pemeriksaan mengejut di lorong-lorong dan di jalan-jalan yang diketahui sedang digunakan oleh penjenayah-penjenayah dalam kawasan sempadan dan juga rondaan dan pemeriksaan mengejut ditempat-tempat dan masa-masa yang tertentu oleh Yunit Kawalan Kawasan dan juga Yunit

Pencegah Penyeludupan Tempatan itu. Begitulah juga mereka yang didapati terlibat telah didakwa dan mereka yang keterangan-keterangannya tidak begitu mencukupi untuk didakwa di mahkamah, tindakan di bawah undang-undang mencegah jenayah dan sekatan terhad adalah diambil.

Selain daripada itu mesyuarat di antara Ketua-ketua Polis Daerah di negeri-negeri sempadan Malaysia/Thailand diadakan dari semasa ke semasa bagi membincangkan dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengatasi masalah-masalah ini dan juga memberkas yang terlibat.

Dalam tahun 1978 di dalam negeri Perlis sahaja untuk kegunaan bagi dua negeri iaitu Perlis dan juga Kedah maka yunit kawalan kawasan dan yunit pencegah penyeludup telahpun ditubuhkan. Dalam tahun 1976 dan 1977 satu yunit mengandungi sebanyak 118 anggota telah diadakan bagi kawasan Kedah dan Perlis dan tiga pengkalan telah ditubuhkan dalam tahun itu iaitu di Mata Air, Padang Besar dan juga di Changloon.

Dalam tahun itu juga sebanyak empat pengkalan lagi ditambah iaitu di Padang Senai dalam Negeri Kedah, di Serdang, Tanjong Pari dan Belantik dalam negeri Kedah juga. Dan anggotanya ditambah sehingga 133 orang berjumlah sebanyak 251 orang dengan 7 pengkalan yang ada sekarang ini dan begitulah juga Yunit Pencegah Penyeludupan 7 pengkalan lagi diadakan di Kedah dan Perlis iaitu di Padang Besar, Kuala Perlis, Mata Air, Kuala Sanglang, Kuala Kedah, Kuala Muda dan Juga Changloon.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah termaklum pagar yang telahpun siap dibinakan di kawasan Padang Besar dan Chuping sedang diperkuatkan lagi dan akan disambungkan ke kawasan-kawasan yang lain iaitu sehingga ke Bukit Kayu Hitam dan Bukit Tangga pada masa yang akan datang ini. Perkara ini akan dibuat dengan lebih kuat lagi yang mana Kerajaan telah memperuntukkan sehingga sebanyak \$9 juta setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu Pasukan Kawalan Rondaan Polis Udara akan dibentuk dalam tahun ini bagi mengawal kawasan-kawasan pantai dan juga kawasan-kawasan

mempunyai tandas sempurna dan akan mendapat bekalan air paip atau bekalan air perigi yang terjamin. Adalah dicadangkan supaya rancangan kebersihan luar bandar diperhebatkan lagi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tindakan juga telah diambil oleh Kementerian Kesihatan seperti berikut:

- (1) Bantuan dan sokongan dari lain-lain Kementerian/Negeri/Ajensi dalam mengawal penyakit ini telah diminta.
- (2) Kerajaan-kerajaan Negeri telah diberi taklimat oleh Pengarah-pengarah Perubatan dan Kesihatan Negeri menerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Tindakan Negeri. Sokongan dan kerjasama oleh pelbagai Kementerian di peringkat negeri dengan bantuan Setiausaha Kerajaan Negeri telah juga diterima dan dihargai.
- (3) Wang tambahan telah diminta dan dibuat peruntukan bagi pembinaan segera tandas-tandas dan kemudahan bekalan air di kawasan-kawasan yang dijangkiti dalam tahun 1978.
- (4) Satu "plan of action" bagi pencegahan/kawalan penyakit taun dan lain-lain penyakit cirit-cirit telah dirangka yang juga termasuk satu kempen mempergiatkan kebersihan kawasan-kawasan sekitar.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan di antara punca penyakit taun ini ialah dengan sebab orang berpindah, ada orang yang berpindah membawa kuman-kuman taun ini. Saya ingin tahu setakat ini adakah didapati bahawa pendatang-pendatang haram dari Vietnam ini ada terlibat dalam penyakit taun ini dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal penyakit ini supaya tidak akan berlaku kepada mereka?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada laporan yang sampai kepada Kementerian membuktikan bahawa ada daripada refugees yang datang ke negeri kita dari Vietnam membawa penyakit taun. Walau bagaimanapun pihak Kementerian sepertimana kita sendiri telah baca dalam suratkhbar bahawa pihak Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi dan

menjaga takut ada merebaknya sesuatu penyakit bukan sahaja taun bahkan penyakit-penyakit lain.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab telah menyatakan iaitu puncanya ialah daripada buang air besar. Kalau tahu puncanya begitu apakah sebabnya dibiarkan orang-orang, baikpun di Sabah, Sarawak ataupun di Semenanjung Malaysia ini buang air besar di sungai di mana orang-orang juga minum air sungai. Penyakit ini tentulah merebak dengan tidak dikawal. Jikalau ada begitu, buat satu undang-undang tidak boleh buang air besar di sungai, dikawal.

Keduanya, Kementerian itu bertanggungjawab memberi jamban di kampung-kampung tetapi yang sebenarnya tidak keseluruhannya. Kalau diperiksa di kampung-kampung 10 buah rumah satu jamban pun tidak ada. Ini kewajipan Kementerian sama ada boleh atau tidak dipaksa, buat satu undang-undang tiap-tiap rumah di seluruh Malaysia ini mesti mempunyai jamban sebab puncanya kita tahu adalah daripada buang air besar. Ini adalah salah Kementerian sendiri. Kementerian sudah tahu penyakit ini datang daripada buang air besar, punca ini tidak pula dikawal benar-benar.

Ketiganya, iaitu kita tahu datangnya daripada makanan, makanan daripada air, bukan daripada lalat. Tentu kita fikir penjaga-penjaga di seluruh Malaysia ini ditengok dan dikawal betul-betul. Sekurang-kurangnya sebulan sekali kesihatan mereka ini mesti diperiksa sebab saya ada tengok orang yang menjual mee mengesat begini sahaja, kotor. Cuba Yang Berhormat Menteri menengok bagaimana kotornya penjual-penjual kita, tidak dikawal langsung. Ini puncanya, kadang-kadang maklumlah kalau orang Islam, dia bercebok, entah tidak dibasuh dengan sabun, terus pergi meraba mee. Ini semua satu daripada punca-punca yang mendatangkan penyakit. Bolehkah atau tidak dikawal perkara ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik supaya Kerajaan ataupun Kementerian mengadakan satu Undang-undang untuk memastikan tiap-tiap satu rumah membuat jamban supaya mengelakkan rakyat membuang najis di

darat sempadan. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan bantuan dan kerjasama daripada orang ramai juga adalah diperlukan bagi menjayakan langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak yang berkuasa.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana masalah ini nampaknya sudah menimbulkan ketidak-tenteraman di atas harta-benda penduduk di negeri Perlis dan termasuk juga di negeri Kedah dan saya faham bahawa Perlembagaan kita memang menjamin hak-hak seseorang itu adalah menjadi tanggungjawab bagi sesebuah Kerajaan mengawalinya, jadi sehingga setakat ini bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah positif yang diambil bagi mengurangkan jenayah-jenayah ini samada dengan menubuhkan pengawal-pengawal kampung dan menambahkan senjata-senjata penduduk-penduduk di perenggan ataupun memberi senjata kepada penduduk-penduduk sendiri untuk mengawal hartabenda mereka?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kawalan-kawalan yang saya telah terangkan tadi, sememangnya juga pihak Kerajaan dalam lapangan yang lain telah juga menubuhkan pasukan-pasukan sukarela di antara orang-orang kampung sendiri seumpama Pasukan RELA dan penjaga kampung bagi menolong kawalan kawasan-kawasan sempadan tersebut itu.

RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH

11. Datuk Choo Ching Hwa minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau dan FELDA untuk menggalakkan lebih banyak lagi orang-orang bukan Melayu menyertai skim-skim tanah agar mencapai matlamat menyusun semula masyarakat Malaysia keseluruhannya dengan mewujudkan suatu masyarakat berbilang kaum di kawasan-kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, semua warganegara Malaysia adalah layak untuk memohon menyertai rancangan-rancangan pembangunan

tanah seperti FELDA jika mereka dapat memenuhi syarat-syarat ditetapkan oleh ajensi-ajensi pembangunan tanah yang berkenaan.

Penempatan calun-calun yang berjaya bergantung kepada terdapatnya kekosongan di rancangan dan mendapat persetujuan Kerajaan Negeri. Kementerian ini berpendapat bahawa sistem yang ada sekarang adalah memuaskan dan tidak berniat untuk memindahkannya. Kementerian tidak melancarkan usaha baru membanyakkan lagi pemohon untuk mendapatkan rancangan-rancangan tanah kerana jumlah pemohon yang berjaya sedang menunggu adalah lebih dari jumlah keluasan tanah yang sedang dimajukan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu apa yang ditanya atas perkara ini serupa juga dengan pertanyaan itu. Dijawab oleh Menteri iaitu dikatakan dari pihak kaum China tidak mahu masuk rancangan-rancangan ini oleh kerana rancangan ini adalah rancangan yang dikawal oleh Kerajaan. Jadi orang-orang China di Malaysia ini tidak mahu dikawal, dengan sebab itu kurang permohonan dari orang-orang China. Betulkah atau tidak perkara itu? Kalau betul, saya minta Kerajaan mengadakan rancangan yang lain daripada rancangan terkawal yang menolong kaum-kaum lain kerana orang-orang China ini mahu kebebasan supaya mereka boleh dapat berniaga sedikit di luar, jangan dikawal sahaja di situ dengan tidak mendapat perbelanjaan, sedangkan orang-orang kita orang Melayu tidak ada apa-apa fikiran lain, mereka menumpukan kehidupan di situ sahaja. Bolehkah atau tidak Kerajaan menimbangkan supaya mengadakan rancangan-rancangan tidak terkawal (rancangan bebas) di mana mereka itu boleh masuk?

Tuan Sanusi bin Junid: Pertamanya memang benar rancangan ini tidak begitu popular, kerana jumlah pemohon daripada kaum Melayu adalah 60 kali lebih ramai daripada permohonan dari kaum-kaum lain. Selain dari itu kebanyakan mereka dari kaum China dan India yang telah berjaya masuk ke rancangan berjumlah lebih 50% daripada mereka telah keluar. Oleh itu soalnya ialah samada kita akan mengadakan rancangan yang berasingan. Tujuan soalan ini ditanya ialah untuk mencapai matlamat menyusun

semula masyarakat. Kerajaan tidak mempunyai cita-cita untuk mengadakan rancangan yang berasingan dengan syarat-syarat yang berbeza kerana ini tidak membantu dalam usaha menyusun semula masyarakat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang". (14hb Disember, 1978).

3.40 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyambung ucapan yang saya telah buat kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil masa lebih kurang 18 minit kelmarin kerana berucap berkenaan dengan demokrasi berparlimen, masalah-masalah kakitangan Parlimen, penyakit kuku dan kaki kepada binatang-binatang ternakan. Dan sekarang saya ingin berucap berkenaan dengan masalah press statement bersangkutan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I feel the Government should allow our senior Government Officers to make press statements regarding the functions and other important matters pertaining to their Departments from time to time other than on policy matters. Of course, they should not be allowed to criticise or question the policy matters. As we are on the threshold of nation-building, it is very important that we should be more liberal in allowing senior Government Officers such as the Secretary Generals, Director Generals and other senior Government officials to make press statements from time to time. This is very important. There had been some controversy created with the statement made by the Director General of Transport and I regret very much—I feel there is a minor misunderstanding—but my

opinion is as Government officers are the backbone of the Government they should be allowed to make press statements. There is no question about it. And if we have . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat bercakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan T. S. Gabriel: Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jika kita mengadakan apa-apa General Orders di mana pegawai-pegawai kanan terutama sekali tidak dibenarkan membuat ucapan atau memberi press statement itu adalah satu cara lama yang digunakan semasa sebelum merdeka. Oleh itu kita patut tinggalkan masalah lama dan menghadapi masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh pada hari ini ialah berkenaan dengan kemasukan orang-orang daripada Vietnam ke Malaysia. Yang pertama sekali saya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan atau soalan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu siapakah mereka? Kita kata mereka ialah boat people oleh sebab mereka datang daripada Vietnam Utara ke Malaysia dengan bot, jadi kita kata mereka boat people. Kita patutlah classify mereka sebagai Vietnam nationals daripada Vietnam kerana mereka ialah orang China komunis yang datang dari Vietnam. Refugees ini memang mempunyai banyak pengalaman mengenai peperangan.

Pada satu masa dahulu refugees ini telah menentang Kerajaan President Thieu dan Amerika Syarikat semasa peperangan di kawasan Indo-China, dan oleh sebab perhubungan telah putus dengan Kerajaan Republik Rakyat China dan North Vietnam maka North Vietnam telah menghalau penduduk-penduduk China daripada Vietnam, dan setakat manakah kita akan menerima orang-orang China daripada Vietnam ke Malaysia. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie telahpun menyatakan dalam sebuah akhbar, Kerajaan Malaysia telah membenarkan Malaysia untuk dijadikan sebagai staging post atau transit camp. Saya harap staging post atau transit camp ini tidak akan berubah kepada strategic position untuk mereka pada satu masa kelak. Kita mesti berjaga-jaga oleh sebab orang-orang ini pada masa sekarang berjumlah lebih kurang 50,000 orang dan kesemua mereka ialah

China komunis dengan mempunyai cukup pengalaman, pengetahuan dan mereka telah menjadi tentera dalam negara Vietnam. Dengan ini kita mestilah mengadakan satu garis bagaimanakah dan sejauh manakah kita akan membenarkan orang-orang ini masuk dalam kawasan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua sedia maklum Malaysia ialah sebuah negeri yang bermurah hati dan selalu suka memberi berbagai-bagai kemudahan kepada orang luar, tetapi sebaliknya kita tidak dapat menerima apa-apa pun. Kita cuma memberi keutamaan (priority) kepada pandangan ataupun perhatian antarabangsa (international outlook) berkenaan dengan perkara ini. Oleh sebab itu kita telah memberi keutamaan dengan cara peri kemanusiaan (charity), dan amat bersimpati terhadap orang-orang ini. Seorang wartawan tempatan telah memberitahu kelmarin bahawa mereka juga menjalankan perniagaan di kawasan-kawasan yang mereka masuki, dan juga kaum wanitanya telah melibatkan diri dalam pelacuran di beberapa tempat. Diharap Kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya di atas perkara ini.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah pelajaran. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato Lee San Choon iaitu Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, oleh sebab MCA telah tidak bersetuju memberi sokongan kepada penubuhan Universiti Merdeka. Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Dato Musa Hitam telah membuat satu perjanjian iaitu beliau akan memberi lebih banyak peluang kepada murid-murid bukan Bumiputra. Ini adalah satu perkara yang amat menarik perhatian murid-murid bukan Bumiputra. Tetapi saya sebagai seorang manusia tidak puas hati jika seseorang pemimpin itu cuma memberi janji sahaja dengan tidak ada apa-apa langkah yang constructive.

Masalah pelajaran (education) ialah menjadi nyawa dan jiwa kepada negara dan oleh sebab kekurangan-kekurangan tempat di institusi-institusi pelajaran tinggi di dalam negara kita, saya harap Kementerian yang berkenaan seterusnya Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn akan mengambil tindakan yang amat serius untuk memberi peluang-peluang kepada murid-murid bukan Bumiputra di

institusi-institusi pelajaran, dan bagaimanakah kita akan memberi tempat oleh sebab tidak ada tempat yang cukup. Dengan sebab itu Kerajaan patut mendirikan atau mengadakan lebih banyak lagi universiti-universiti, seboleh-bolehnya di tiap-tiap negeri didirikan sebuah universiti. Itupun kita tidak dapat mengatasi masalah pelajaran oleh sebab negara kita telah maju dan membangun daripada masa ke semasa dan rakyat pun semakin bertambah. Walau bagaimanapun saya harap Dato Musa Hitam dan juga Kerajaan kita akan mengambil perhatian yang serius di atas perjanjian yang mereka buat, ini adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyatakan murid-murid India akan diberikan 10% tempat belajar di universiti-universiti. Tetapi beberapa tahun dahulu saya sendiri telah menjalankan satu kajian di universiti-universiti dan didapati murid-murid India cuma mendapat tempat belajar kurang daripada 5%. Misalnya di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Universiti Malaya atau di mana-mana universiti yang ada di negara ini, Diharap Kerajaan akan menimbang untuk memberi sekurang-kurangnya 10% kepada murid-murid Malaysia keturunan India.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi satu perkara yang saya telah ucapkan kelmarin berkenaan dengan masalah kakitangan Parlimen. Dahulu apabila Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara datang untuk bermesyuarat di Parlimen, kita nampak atmosphere kakitangan Parlimen begitu baik. Tetapi pada masa sekarang mereka tidak puas hati, oleh sebab mereka mengalami masalah berkenaan dengan elaun di mana mengikut Laporan Jawatankuasa Gaji Kabinet elaun yang telah diberi kepada mereka telahpun ditarik balik. Mengikut satu report penarikan balik elaun yang diberi ini adalah satu sistem atau service yang amat unique di mana kakitangan Parlimen dikehendaki menjalankan tugas lebih daripada 8 jam.

Saya tidak faham jika kita mengikut undang-undang dan regulations atau perjanjian yang dibuat oleh Cabinet Committee di mana elaun mereka dihapuskan apa yang telahpun diberi kepada mereka. *Hansard* yang diberi lewat satu hari, pada masa sekarang kita dapat dalam tempoh dua bulan. Kecekapan kakitangan Parlimen telah hilang

terus. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan akan membiayai untuk membayar semula elaun yang diberi kepada kakitangan Parlimen.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf jika saya ada membuat apa-apa kesalahan. Saya harap Kementerin akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya atas cadangan-cadangan ini.

3.52 ptg.

Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia, Timbalan-timbalan Menteri dan juga segala pegawai-pegawai yang bertugas di Kementerian Kewangan Malaysia kerana telah bekerja keras untuk membuat Perbekalan tahun 1979 ini dengan baik dan menurunkan beberapa cukai yang patut diturunkan, sebab ada rakyat yang cuma makan sehari sekali sahaja tetapi tidak di bandar-bandar, tetapi di kampung-kampung mereka inilah yang kita dan Kerajaan patut ambil ingatan dan juga dengan pemimpin yang kita kasihan, Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia, seorang yang bercita-cita rakyat dan tahu rakyat Melayu khususnya masih miskin lagi di negaranya sendiri seperti ayam mati kelaparan di jela-pang padi, walhal negara Malaysia inilah yang terkaya sekali di dalam ASEAN. Saya merayu kepada rakyat di Malaysia ini mari kita bersatu padu dan jangan lagi cemburu-pencemburuan antara satu kaum dengan satu kaum.

Sekarang saya masuk kepada Rang Undang-undang ini iaitu saya hendak menyentuh 13 Maksud.

Tuan Yang di-Pertua, B.1 ialah peruntukan Parlimen. Saya dan rakan-rakan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kita kerana komplek kami berkenaan dengan tempat duduk di luar Dewan ini sudah dijalankan, sekarang kami sudah dapat kerusi-kerusi yang empok untuk kami bersimbang-simbang semasa rehat dan sebelum masuk ke Dewan ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, saya minta kepada Kerajaan supaya menambah lagi kakitangan-kakitangan Parlimen ini, terutamanya Steno dan typists, sebab jika ada mesyuarat bertembong, Dewan

Rakyat dan Dewan Negara, kakitangan Parlimen tidak cukup dan tidak sempat menyiapkan *Hansard* untuk kita, contohnya pada mesyuarat Dewan Negara/Dewan Rakyat yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk pula pada Maksud B.4—Suruhanjaya Pilihanraya. Saya berharap pada masa pilihanraya yang akan datang borang-borang bagi calon-calon hendaklah dibuat 2 helai—berasingan, satu untuk calon Parlimen dan satu helai lagi untuk calon Dewan Negeri dan dibuat dengan senang (simple and easy), khasnya berkenaan dengan nama satu baris cukup, tak ada macam sekarang, surname dan sebagainya. Contohnya, baris nama, iaitu termasuk nama yang cukup, nama alias dan nama surname, sekarang kelam-kabut, nama penuh satu baris, nama alias satu baris, surname satu baris.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bendera-bendera. Saya merayu kepada Suruhanjaya Pilihanraya akan datang supaya warna merah jangan sekali-kali dibenarkan kerana saya baru sahaja balik dari Moscow, Russia sahaja yang menggunakan bendera merah di tiap-tiap pejabat Kerajaannya dan tiap-tiap sekolahnya. Jadi kalau ada parti-parti lawan yang menaruh bendera merah ialah parti komunis seperti Negeri Russia.

Lagi satu masalah, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan gambar-gambar kartun pun jangan dibenarkan. Pada pilihanraya yang lepas, di kawasan Kepong, parti PEKEMAS telah membuat gambar katun yang besar dan ditaruhnya di tepi jalanraya supaya orang-orang yang lalu di jalan itu nampak gambar kartun itu. Apa yang dibuat oleh parti PEKEMAS ialah gambar Dr Tan Tiong Hong, mukanya dibuat macam muka Dr Tan Tiong Hong, tetapi badannya badan anjing dan ditarik oleh Dato Hussein Onn. Ini tidak sekali-kali kita benarkan pada masa akan datang. Ini memalukan Perdana Menteri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pada Maksud B.8—Jabatan Perdana Menteri. Saya ada beberapa perkara, pertama berkenaan Pejabat Ugama Islam di Pusat Islam di lembah dekat dengan Ibu Pejabat Keretapi Tanah Melayu. Kakitangan pejabat itu patutlah ada satu orang yang bertanggungjawab berkenaan dengan tender. Kita tahu banyak masjid-masjid yang ada di dalam Wilayah Persekutuan ini telah uzur dan peruntukan ada untuk membela

kerusakan-kerusakan, bukan sahaja masjid-masjid tetapi surau-surau, sekolah-sekolah agama, tanah-tanah kubur. Bila masjid-masjid minta bela kerusakan-kerusakan itu pada pejabat agama, pejabat agama minta masjid itu menghantar kontrektor-kontrektor. Ini berlawanan dengan pendapat kita. Kita minta biarlah ada seorang pegawai yang menjaga tender di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta pejabat-pejabat kadi, mengikut kawasan-kawasan Parlimen, satu kadi ditempatkan di Kepong, satu kadi di Kuala Lumpur Bandar, satu kadi di Setapak, satu kadi di Sungai Besi dan satu lagi kadi di Damansara. Banyak orang-orang Islam di dalam Wilayah Persekutuan hendak sebagaimana yang saya cadangkan itu, kadi itu bukan sahaja untuk menikahkan orang tetapi boleh mengajar di masjid-masjid dan di surau-surau dalam kawasan mereka itu kerana terlampau banyak dakwah orang-orang yang tidak bertauliah yang telah keluar daripada ajaran Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta pada Perdana Menteri, iaitu berkenaan dengan Pertandingan Quran yang dibuat pada tiap-tiap bulan Ramadan (Bulan Puasa) supaya tempat pertandingan itu digilir-gilirkan, khususnya pada negeri-negeri yang telah ada Stadium seperti di Larkin, Johor, di Kuala Trengganu, di Kuantan, Pahang, di Ipoh, Perak dan begitulah seterusnya, sebab apa, selalu sangatlah kita buat di Stadium Merdeka dan sambutan dari orang-orang Kenamaan (VIP) dan orang-orang lain sangat kurang, seperti Ahli-ahli Dewan Negara cuma 6 orang sahaja yang datang menengok pertandingan Al-Quran. Jadi patutlah kita gilir-gilirkan di tiap-tiap negeri supaya semua rakyat di negeri-negeri yang lain itu akan dapat menengoknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada Maksud B-15 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya merayu kepada Perdana Menteri supaya Kementerian ini diasing-asingkan (divide into two) kerana pada fikiran saya dua Kementerian ini sangat penting, Kementerian Perumahan satu dan Kementerian Kerajaan Tempatan satu. Kementerian Perumahan belum lagi teratur sebab masih banyak lagi masalahnya. Dalam sidang Senate yang lepas, saya memberitahu Kementerian ini, jikalau satu-satu developer hendak menjalankan projek perumahan di satu-satu kawasan, kawasan itu mesti ada

tempat LLN, tempat Telekom, tempat sekolah, tempat masjid, market, playground, tempat membuang (dump) sampah, ini semuanya masih belum berjalan lagi. Kerajaan berjanji hendak membuat beberapa banyak rumah murah untuk rakyat di beberapa kawasan-kawasan inipun belum berjalan lagi. Itulah sebabnya saya mahu, Kementerian Perumahan berasingan (with a separate Minister) dengan Kerajaan Tempatan. One Minister for Local Government, one Minister for Housing. Kementerian Kerajaan Tempatan pula mempunyai banyak masalah yang patut dijalankan. Ini tidak cukup dengan Timbalan Menteri sahaja, kita mesti ada satu Kementerian yang lain. Saya tidak mahu Pegawai-pegawai Daerah di tiap-tiap daerah menjadi Pengerusi Lembaga Bandaran, Pegawai-pegawai Daerah di tiap-tiap daerah terlampau banyak kerja, terlampau banyak tugasnya, kalau dibebankan pula dengan jawatan Pengerusi Lembaga Bandaran, tidak akan bergeraklah tugas-tugas yang dibebankan padanya. Kalau kita berjalan pada tiap-tiap daerah, jalan-jalan penuh dengan lalang, di kiri kanan jalan, sampah tidak berkutip, assessment bertahun-tahun tidak pernah dinaikkan, for example di Kelantan. Saya pergi ke Kelantan assessment tahun 1950 sampai sekarang tidak dinaikkan. Siapa rugi? Kerajaan rugi, rakyat tak puas hati. Inilah pandangan saya, kita patut ada dua Kementerian, satu untuk Housing dan satu untuk Local Government.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada Maksud B.17, iaitu Perkhidmatan Bomba. Supaya tugas ahli-ahli bomba di tiap-tiap negeri, pekan dan bandar akan baik dan teratur, cermat dan bersih, saya merayu kepada Kerajaan tolong timbangkan semula gaji Pasukan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada Maksud B.20, Jabatan Percetakan. Saya merayu kepada Kerajaan, khususnya di Kuala Lumpur ini, jangan lagi dikeluarkan lesen printing. Don't issue printing licence any more in Kuala Lumpur kerana sudah terlampau banyak, macam cendawan tumbuh, tetapi saya tidak tahulah samada syarikat-syarikat printing yang macam cendawan ini, ada lesen atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada Maksud B.22, Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya dan orang-orang Bumiputra

yang ada di Wilayah Persekutuan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn yang kita kasihi, yang mana beliau sendiri menjadi Menteri dan saya berharap akan ada seorang Timbalan Menteri. We must have a Deputy Minister untuk menolong beliau, tidak cukup dengan Setiausaha Parlimen sahaja kerana kita tahu terlampau banyak masalah. We have got plenty of problems in Wilayah Persekutuan. Saya juga mencadangkan kepada Kementerian ini akan membuat lima kawasan (five districts) mengikut kawasan-kawasan Parlimen, cukup dengan pejabat dan kakitangan-kakitangan di tiap-tiap kawasan itu.

Kawasan yang saya sebutkan itu ialah kita mesti ada satu pejabat di Kepong, satu bertempat di Jinjang, satu pejabat di Setapak bertempat di Kampong Baru, satu pejabat di Kuala Lumpur Bandar, bertempat di Dewan Bandaraya, satu pejabat di Sungai Besi, bertempat di pekan Sungai Besi, satu pejabat di Damansara, bertempat di Pantai. Pegawai-pegawainya dipanggil Pegawai Pentadbir dan Penyelarasan (PPP). Tugas-tugas mereka serupa dengan tugas-tugas Pegawai Daerah di tiap-tiap negeri. Setiausaha Kerajaan ialah Setiausaha Parlimen yang ada sekarang, Yang Berhormat Encik Abdullah bin Haji Ahmad. Inilah pandangan dari saya, jika ada pegawai-pegawai pentadbir dan penyelarasan di lima kawasan :

- (1) Membina rumah-rumah pangsa di tiap-tiap kawasan untuk penduduk-penduduk rumah haram yang ada di lima kawasan ini. When we go to Kuala Lumpur, all these places are full of squatters. Kita mesti hapuskan rumah-rumah haram yang ada di lima kawasan Parlimen ini. Selagi kita tidak hapuskan rumah-rumah haram ini, selagi itulah there is no meaning Kuala Lumpur jadi Federal Territory.
- (2) Jalan-jalan di lima-lima kawasan ini banyak lagi belum dibesarkan, kedai-kedai sudah uzur, yang dibina sebelum tahun 1948 mesti dibaharui, sungai-sungai yang ada di lima kawasan ini diluruskan supaya mengelakkan banjir, market-market yang sudah lapuk dibaharui, masjid-masjid, surau-surau, sekolah-sekolah Ugama, tanah-tanah wakaf dan tanah-tanah kosong ini semuanya dijaga.

Itulah sebabnya kita sangat-sangat berkehendakkan one Deputy Minister untuk membantu Menteri Wilayah Persekutuan, yang mana beliau juga Perdana Menteri kita yang kita kasihi.

Saya percaya kerja-kerja dan masalah-masalah di Wilayah Persekutuan ini tidak akan tercapai selagi tidak ada pegawai-pegawai dan kakitangan. Dewan Bandaraya yang ada sekarang bolehlah dibahagi-bahagikan kepada lima Jabatan baru yang saya cadangkan itu. Nama-nama jalan sudah patut ditulis dengan tulisan Jawi. To change into Jawi. Nama-nama kedai juga ditulis dengan tulisan Jawi. Kementerian Wilayah Persekutuan mestilah menjadi contoh kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. It is an example yang ada di seluruh negara ini. Wang peruntukan untuk Wilayah Persekutuan banyak. We have million of dollars peruntukan untuk Wilayah Persekutuan, tidak terhingga, tidak termasuk wang Loteri Kebajikan Masyarakat yang ada di tangan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Maksud B. 28, Kementerian Pertahanan. Saya minta kepada Kerajaan supaya melantik satu Menteri khas untuk menjaga hal ehwal bekas-bekas perajurit. I appeal to the Government to have a Minister to look after the ex-service association and ex-service members. Kita sudah ada satu pejabat di Kementerian Pertahanan (we have one department in the Ministry of Defence) untuk menjaga hal ehwal bekas-bekas perajurit, tetapi tidak memberi faedah. Jabatan ini tidak dapat menunaikan kehendak-kehendak bekas-bekas perajurit. Kita ada 100,000 orang bekas perajurit. We have 100,000 members di tiap-tiap negeri di seluruh Malaysia, tetapi yang register sekarang ada 20,000 orang sahaja. Sebab saya mahu satu Menteri khas untuk menjaga bekas-bekas perajurit ini, kita boieh gunakan mereka semasa negara kita menghadapi ancaman komunis seperti sekarang. Mereka ini ada di tiap-tiap negeri, kita boleh kerah mereka memegang senjata bila-bila masa dikehendaki, tetapi hendaklah ada satu Minister. Penghidupan mereka dijaga dengan baik, mereka dikumpulkan di satu kawasan di tiap-tiap negeri, in every state put them in one area. Sekarang mereka bertaburan, tinggal di rumah-rumah haram dan ada yang bekerja dan ada yang tidak

bekerja. Kita mesti jangan lupa akan jasa-jasa mereka. We must not forget their work to the country. Anak-anak mereka kita masukkan sekolah dengan percuma, give them free education, mana yang bijak kita hantar ke sekolah tinggi supaya mereka menjadi rakyat yang berguna kepada bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk pula kepada Maksud B. 29, Kementerian Pelajaran. Saya merayu kepada Kementerian ini, sudah tibalah masanya kita mendirikan Universiti Islam kerana ugama rasmi ialah ugama Islam dan sudah patut kita adakan Universiti Islam yang cukup lengkap dengan segala ajaran-ajaran Islam yang maha suci dan yang moden, kalau tidak boleh, contoh seperti Azhar Universiti di Cairo, rendah sedikit ijazahnya pun jadilah. Guru-guru banyak yang boleh mengajar di Universiti Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk kepada Maksud B. 44. Saya merayu kepada Kerajaan, peruntukan Orang Asli sangat kurang, cuma lebih kurang \$5,000,000 only. We are already independent for 21 years, tetapi Orang-orang Asli masih duduk dalam hutan rimba dengan tidak teratur. Saya berharap Orang-orang Asli yang ada di seluruh negara ini ditempatkan di satu tempat atau di satu negeri sahaja, seperti di Pahang atau di negeri Perak. Kita buka satu kawasan dan dibuatkan rumah-rumah seperti rumah-rumah FELDA untuk mereka dan diberi mereka tanah untuk bercucuk tanam untuk makanan mereka. Saya percaya mereka sangat suka kepada rancangan kita itu. Kita tidak mahu lagi sungutan-sungutan dari wakilnya Yang Berhormat Tok Pangku Pandak Hamid sendiri yang telah memberitahu saya: "Kita sudah 21 tahun merdeka, Yang Berhormat, tetapi satu rancangan yang konkrit pun tidak ada". Oleh itu, saya merayulah kepada Kerajaan supaya kita akan dapat membela Orang-orang Asli ini dan orang asal sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada Maksud B. 52, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya suka memberitahu Kementerian ini, sebagai Pengerusi Persatuan Pelindung Batu Caves, iaitu kuari-kuari yang ada berhampiran dengan Kuil Hindu di Batu Caves itu tidak mahu keluar, maka Jawatankuasa Sri Mahariamman Temple akan membawa taukeh-taukeh

kuari itu ke mahkamah sebagaimana yang dikehendaki oleh Perdana Menteri kita. Maka saya merayulah kepada Kementerian ini bila sampai ke mahkamah akan datang tolong bantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada Maksud B. 54, Kementerian Pengangkutan. Kami dari Pergerakan Pengakap Malaysia sangat dukacita, we regret very much to the Ministry, khususnya pada Keretapi Tanah Melayu yang telah memberi koc-koc lama yang berwarna hijau, tempat duduknya papan jarang-jarang kepada pengakap-pengakap dari Alor Setar ke Johor Bahru daripada Kuala Lumpur terus ke Johor Bahru kerana hendak menghadiri Jamboree di Sarawak. Pengakap-pengakap ini telah komplek kepada saya bahawa sepatutnya koc-koc ini seperti koc-koc biasa tetapi telah diberi koc lama dan itulah sebabnya saya kesal kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah melantik seorang yang rajin berusaha dan suka memandang perubahan, iaitu Kementerian Pengangkutan telah melantik Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan yang baru, Encik Hassan bin Ibrahim yang telah membongkar kerja-kerja yang tidak betul dijalankan oleh kakitangan-kakitangan Kementerian ini dan membuat peraturan-peraturan yang baik. Saya berdoa dengan adanya Ketua Pengarah yang baru ini, Kementerian ini akan mendapat nama yang harum kerana banyak orang tidak puas hati kepada Kementerian ini seperti teksi, orang yang ada teksi lima, enam, tujuh, dapat lagi. Bagaimana mereka hendak menjalankan, satu orang dapat tujuh teksi. Lainlah syarikat, syarikat dapat lesen teksi boleh memberi kerja kepada rakyat. Accident motokar, lori dan motosikal berlaku hari-hari. Apa yang ditestnya, wallahualam. We have got so many testers, what they are doing, we do not know, Tuhan sahajalah yang tahu. Lori-lori membawa barang lebih berat, separuh terlepas, separuh ditangkap; over-weighted lorries, some are free, separuhnya ditangkap. Mata-mata bukan kerjanya untuk menangkap. Ini semuanya kerja-kerja Jabatan Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada Maksud B. 63, Perkhidmatan Pos. Saya mohon post office yang baru patut dibuat di Kepong, my area, Batu Caves, my area dan kalau boleh di Sentul Pasar, my

area kerana post office Kepong, Batu Caves dan Sentul sangat buruk. Bila orang luar datang saya sangat malu menengok post office yang telah buruk itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Menteri Kewangan, kita tahu pada tahun 1990 yang akan datang, we know by 1990, 30% of the economy will be in the hands of the Malays. Now I would like to ask him, berapa peratus sudah ada dalam tangan Melayu sekarang?

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh semalam beliau berkata Kerajaan telah berkali-kali menurunkan cukai barang-barang makanan dan pakaian tetapi peniaga-peniaga tidak juga menurunkan harga barang-barang makanan dan harga pakaian itu. Saya mencadangkan kepada Kerajaan bagi menurunkan harga barang-barang makanan dan pakaian Kerajaan patulah menyerahkan kepada syarikat-syarikat kerjasama mengambil alih menjual segala barang-barang makanan dan pakaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pandangan saya terhadap Bil ini dan saya menyokong 100% untuk diluluskan.

4.13 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam bagi tahun 1979. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi pandangan-pandangan kepada Kerajaan semoga dapat diperbaiki atas pandangan saya yang cetek ini, kalau betul dipergunakan.

Saya akan memberikan komen kepada 17 tajuk. Sebelum daripada saya bercakap dalam hal-hal lain, yang pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah memberi amaran terakhir kepada peniaga-peniaga kita dalam negeri ini yang enggan menurunkan barang-barang jualannya setelah Kerajaan menurunkan cukai bagaimana laporan Anggaran Belanjawan tahun ini. Amaran ini patut diperdengar oleh ahli-ahli perniagaan kita samada pemborong atau peruncit kerana selama inilah mereka menghisap darah pengguna-pengguna kita dalam tanahair ini dengan menggunakan berbagai-bagai helah, enggan menurunkan harga barang-barang

jualannya kepada pengguna-pengguna walaupun Kerajaan telah mengurangkan cukainya baru-baru ini.

Selain daripada itu mereka membuat berbagai helah, tiap-tiap hari kita tengok pada kedai-kedai kain umpamanya dengan iklan jual murah, walhal barang yang dijual itu tidak murah. Demikian juga selalu pengguna-pengguna kita menggunakan barang-barang yang sudah tidak baik lagi, yang busuk, yang sudah lewat masanya seperti sardin yang berkarat, nenas dalam tin yang telah kemek-kemek dan kotor itu dijual kepada orang ramai. Sepatutnya barang ini sudah boleh dibuang, tetapi pengguna kita beli. Memang dalam masalah ini kalau Kerajaan hanya bercakap hendak mengambil tindakan, beri amaran tidak ambil tindakan, selama itulah peniaga ini akan meneruskan kerjanya kerana manusia ini manusia yang tamakkan keuntungan tidak memikirkan faedah orang ramai. Walhal telah diberitahu oleh Kerajaan mereka juga sama bertanggungjawab dalam masalah mengedarkan barang-barang kepada pengguna dalam tanahair kita ini. Saya fikir usaha Kerajaan ini tidak akan sempurna kalau Kerajaan tidak menguatkan gerakan pengguna atau persatuan pengguna dalam tanahair kita ini.

Kerajaan di masa yang lalu telah memberi anggaran sebagai memberi bantuan kepada gerakan pengguna ini dengan tujuan supaya dapat memperbaiki pengguna-pengguna dalam tanahair kita ini, saya nampak usaha ini patut diperbaiki. Kalau kewangan dikehendaki patut ditambah. Kita mahu persatuan pengguna ini menyeluruh di seluruh tanahair kita ini supaya dengan jalan inilah yang boleh memberi bantuan kepada Kerajaan yang boleh melaksanakan penurunan harga barang-barang yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan sebab pengguna di seluruh tanahair ini akan tahu rasa tanggungjawabnya dan pada masa sekarang mereka adalah memikirkan perkara itu asal dia dapat beli, tetapi yang sebenarnya kalau tiada persatuan yang begitu kokoh, yang begitu kuat, yang begitu padu; selama itulah kita akan dipermainkan oleh peniaga-peniaga dalam tanahair kita. Oleh itu Persatuan Pengguna ini patut disusun daripada peringkat kebangsaan, peringkat negeri, peringkat daerah, peringkat kampung sebab mereka akan tahu barang-barang yang mereka akan membeli pada tiap-tiap masa dan dengan keadaan ini juga boleh menolong Kerajaan dalam masalah-masalah ini. Kalau ahli-ahli pengguna dalam

tanahair kita ini sudah berpadu kita boleh mengugut, memberi amaran kepada kedai-kedai peruncit, pemborong dan pengilang-pengilang juga. Ini satu usaha yang sangat baik, patut Kerajaan baiki dan perkemaskan. Jangan sayangkan kewangan pada memperbaiki persatuan atau gerakan pengguna dalam tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua dalam Anggaran Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam saya gemar menyentuh yang pertama sekali Parlimen. Tadi telah disentuh oleh rakan sejawat saya. Parlimen ini telah dianggap satu Dewan yang tertinggi, yang mulia dalam tanahair ini menurut sistem demokrasi dalam negeri ini yang diberi peruntukan oleh Perlembagaan kita. Tadi telah dikatakan bahawa di Parlimen ini kerusinya empuk, pegawainya baik tetapi elaun pegawainya tidak diberi dengan begitu cukup sempurna dan selalu pula Parlimen ini mesyuarat bertembung. Saya sudah terangkan dahulu bahawa mesyuarat Dewan Rakyat dengan mesyuarat Dewan Negara mesti ada tama'ninah. Bila bertembung begini berbagai kesukaran yang dihadapi bukan sahaja oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara bahkan pekerja-pekerja di Jabatan ini. Apa salahnya Kerajaan berikan tama'ninah, selepas mesyuarat Dewan Rakyat, barulah diadakan mesyuarat Dewan Negara. Ini satu amalan yang sangat baik menurut hemat saya yang cetek ini.

Sudahlah begitu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini kita luluskan Rang Undang-undang yang hendak dikuatkuasakan dalam negeri ini melalui kita, melalui Dewan Rakyat, melalui Parlimen. Kita bincangkan ini bukan sahaja masalah pembangunan negeri ini, bukan sahaja masalah pentadbiran negeri ini, masalah kewangan negeri ini melalui Dewan inilah yang meluluskan, barulah boleh digunakan oleh negara. Kita telah meluluskan bermacam-macam, mengikut Laporan Kabinet, kakitangan Kerajaan ada seramai 500,000 orang—kita luluskan dengan senang hati. Mereka menerima gaji yang begitu baik.

Begitu juga segala rang undang-undang kita luluskan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong memperkenankan, Kerajaan Wartakan dan berjalan kuatkuasanya dalam negeri ini. Tetapi cubalah Kerajaan fikir kepada orang yang duduk dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara

ini, berilah kehormatan, berilah kemudahan-kemudahan kepada mereka itu. Saya bukan hendak bela diri saya, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan kena berfikir semula, beri penghormatan kepada perkhidmatan kami dalam kedua-dua Dewan ini yang sejajar dengan keadaan pada masa sekarang ini. Kalau Setiausaha Satu gajinya lebih \$3,000, Hakim \$6,000 gajinya, Ketua Hakim \$7,000 tetapi kami Ahli-ahli Dewan Negara ini \$1,000 dan Ahli-ahli Dewan Rakyat \$1,500.

Saya hendak katakan dengan ikhlas, Tuan Yang di-Pertua, \$1,000 yang kami dapat itu \$500 kami berikan derma tiap-tiap bulan kepada rakyat. Bila rakyat kata: Wah! ini Ahli Dewan Negara, Datuk! "Dia datanglah, minta derma, kerana pertandingan Quran, Maulud Nabi—habis \$500. Kemudian yang tinggal itu, \$300 diberi untuk driver; takkan Datuk sebagai Ahli Dewan Negara hendak bawa kereta sendiri dan tinggallah \$200 lagi. Dengan wang \$200 itu hendak buat apa, Tuan Yang di-Pertua. Kalau pergi mesyuarat macam ini, dahulu sewa hotel \$15 boleh dapat, sekarang tidak dapat lagi. Dengan wang \$50 kalau hendak duduk hotel \$6 malu pula. Senator sebagai Ahli Dewan yang tertinggi di dalam tanahair duduk di mana? Di Jalan Chow Kit. Alangkah aibnya Kerajaan yang kita kata Kerajaan yang mewah, kaya, Ahli-ahlinya yang mentadbirkan negeri ini mendapat elaun yang begitu.

Kami bukan hendak menagih, kami mahu keadilan, khidmat kami itu diberi oleh Kerajaan. Dahulu Kerajaan kata; tak usahlah dituntut, elaun ini tinggi, sudah dekat pilihanraya nanti Parti Pembangkang macam-macam dikecamnya. Memberi keadilan jangan takut kepada siapa.

Kalau kita beri elaun lebih, Parti Pembangkang pun terima, sebab nilai khidmatnya. Ah! dahulu kata negeri kita ini meleset, ekonominya tidak begitu baik. Tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan kata, ekonomi Malaysia di kalangan negara-negara di dunia ini sangat baik, maka masa inilah kalau hendak dinaikkan elaun-elaun kami Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Kalau Tuan Yang di-Pertua sebagai Ketua dalam Dewan Negara, dan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai Ketua Dewan Rakyat menerima keadaan pemberian yang

ada sekarang—tidak setaraf, sekurang-kurangnya berilah dia itu gaji macam mana yang diberi kepada Menteri. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua kita ini, kalau tidak diberi elaun pun, dia boleh bekerja, tetapi kita beri penghormatan khidmatnya menjaga kami bermesyuarat ini, berbincang, berbahas daripada pukul 2.30 petang kadang-kadang sampai pukul 10.00 malam. Ini masa berkhidmat. Masa luar, orang-orang datang ke kawasan ini menghormatinya. Mereka hendak berjumpa siapa? Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, tetapi bila tengok elaunnya, Allah! Begitu juga Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, apa salahnya Kerajaan beri kami ini elaun \$2,000 sebulan, wang \$2,000 itu tidak besar. Kalau kami ada kebun getah 30 ekar, boleh dapat \$2,000 sebulan, itu nilainya. Tetapi khidmat kami sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara bukan saya, tolonglah dinilai dengan keadilan supaya menjaga maruah Dewan ini. Saya tidak fikir Menteri Kewangan atau Kerajaan sangat-sangat bakhil hendak memberikan peruntukan; kalau budget kali ini tidak boleh dinaikan, budget akan datang tolong kajikan, sebab kami tidak ada kesatuan, bukan macam kakitangan Kerajaan, kami tidak ada kesatuan. Tetapi apa kata kalau kami Ahli-ahli Dewan Negara ini tidak mahu menghadiri persidangan Dewan Negara ini. Rang Undang-undang tidak boleh diluluskan, ada kuasa kami. Tetapi itu bukan sifat kami, kami orang Malaysian (orang Melayu) kami tidak mahu itu. Kami mahu keadilan, pertimbangan dengan khidmat kami yang menilaikan untuk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau adalah Yang Berhormat Menteri Kewangan mendengar ucapan saya ini, dia pun terasa belas kasihan menengokkan kami dan kalau tidak sempat budget ini hendak berikan satu peruntukan tambahan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, budget yang satu lagi akan datang, termasuklah juga kakitangan dalam Parlimen ini. Apa yang mereka minta, tolong berikan pertimbangan, sebab khidmat mereka juga kita hargai, ada kaitannya dengan mesyuarat kita, tiap-tiap kali khidmat mereka terhadap negara dan kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang baharulah saya masuk dalam perkara yang kedua dan izinkan saya memberikan pandangan ini

dengan cara lambat sedikit, akan memakan masa tetapi perkara ini adalah mustahak pada hemat saya. Pertamanya, saya hendak kata tajuknya yang kedua; ekonomi dunia, perkembangan ekonomi ada kaitan dengan ekonomi Malaysia. Kita hendaklah berbelanja dengan cermat supaya tidak terjerumus dengan membeli barang-barang luar negeri yang mahal lebih-lebih lagi bilamana melihatkan matawang Amerika sedang menurun sekarang. Kita patut membuat satu langkah dengan penurunan matawang Amerika ini supaya inflasi dalam negeri kita ini tidak akan bertambah tinggi. Ini satu perkara yang saya fikir Kerajaan Malaysia ada dalam perhatiannya. Malaysia dapat memberikan terus dasar kewangan yang longgar bagi menggalakkan pertumbuhan negara dan meluaskan yang dirasai oleh pelabur swasta. Kita dalam negeri ini ada mempunyai 5 buah bank yang ada memberi bantuan kepada kita. Pertama Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam, Bank-bank Perdagangan dan Bank Saudagar. Kita berterima kasih kepada Bank Pembangunan Dunia yang telah memberi banyak bantuan kerana swasta pertanian dan pembangunan tanah dalam negeri kita ini. Dalam Bank Pembangunan Islam saya nampak belum begitu memberikan kepuasan kepada projek-projek yang dikehendaki oleh Malaysia. Ini patut kita usahakan supaya mana-mana yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Malaysia itu dapat diberikan bantuan oleh Bank Pembangunan Islam ini.

Bank Perdagangan ini, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut kita kaji semula, sebab banyak sungutan-sungutan yang dihadapi oleh ahli-ahli perniagaan Bumiputra dengan sebab syarat-syarat yang tidak mencukupi bilamana mereka hendak membuat pinjaman. Syarat-syarat ini saya fikir patut kita timbang dan kita fikirkan ataupun kita ketepikan dengan kita memberikan jaminan kepada peniaga-peniaga Bumiputra itu dalam usaha perniagaannya, dalam pemborongannya supaya dapat mereka menikmati rancangan-rancangan bank perdagangan ini.

Mengenai Bank Saudagar pula, Tuan Yang di-Pertua, banyak yang belum lagi memberikan khidmatnya dalam usaha pembangunan negara yang dikehendaki oleh Kerajaan supaya dapat meluaskan khidmatnya kepada ahli-ahli perniagaan dan perusahaan Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk dalam tajuk yang ketiga, iaitu eksport barang-barang keluaran Malaysia yang bertambah seperti getah, minyak kelapa sawit, bijih timah, minyak kelapa, kayu balak, barang-barang perkilangan. Barang-barang ini kita hantarkan ke negeri Amerika 14%; Persatuan Ekonomi Eropah 25%; Russia 9%; China 4%; Jepun 3%. Ini patut kita usahakan dan ikhtiarkan supaya dapat penambahannya dan demikian juga kita luaskan kepada negara-negara lain termasuk di Asia Barat dan Afrika. Barang-barang utama Malaysia ini adalah berkembang dengan baik tetapi merosot dalam bahagian-bahagian seperti minyak kelapa sawit, beras, akibat daripada kemarau ini.

Saya masuk dalam masalah getah. Getah ini adalah meningkat berdasarkan kepada keadaan ekonomi dan permintaan dunia yang menggalakkan, apa lagi kenaikan minyak petrol. Atas kesedaran dunia antara bangsa mungkin kekurangan getah asli pada masa hadapan. Kita bangga bahawa pekebun kecil dalam negeri ini boleh mengeluarkan hasil getahnya lebih daripada yang dikeluarkan oleh ladang-ladang tetapi dua tiga perkara patut difikirkan oleh Kerajaan iaitu pengeluaran hasil getah ini akan berkurangan dengan sebab pekebun-pekebun kecil, rakyat dalam negeri ini tidak ada minat hendak menoreh getah. Mereka lari daripada kampung-kampung ke bandar bekerja di kilang-kilang. Dengan kurangnya penoreh getah ini getah itu tidak dapat ditoreh, bila getah tidak ditoreh bukan sahaja tuannya itu boleh rugi, negara kita juga rugi. Dunia menghendaki getah, kita tidak dapat mengeluarkan getah sebab tidak ada tenaga. Jadi pihak Kerajaan, pihak RISDA mencari satu jalan macam mana diberikan satu kemudahan kepada penoreh-penoreh getah ini seperti kemudahan yang didapati bekerja di kilang-kilang, tatkala itu belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita akan tertarik semula menanam getah. Di Pahang berapa luas getah tidak ditoreh, di Sabah, di Sarawak berapa luas tidak ditoreh. Keadaan ini merosakkan ekonomi negara.

Yang kedua, ada satu percubaan yang dibuat oleh RISDA iaitu menoreh getah melalui cucuk. Ini boleh menyegerakan lagi dan boleh menyukakan penoreh-penoreh getah ini dengan adanya sistem baru ini. Jadi saya harap sistem baru ini cuba diamalkan, dilaksanakan supaya dapat hasil getah kita ini diperolehi dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah getah asli ia hanya menguntungkan negeri luar iaitu pengguna dan menghampakan pekebun kecil, sebab tidak ada satu skim harga yang berpatutan seperti yang kita amalkan kepada bijih timah. Wajar Kerajaan membuat satu peruntukan harga getah yang stabil yang ditanggungjawab oleh negeri-negeri pengeluar getah asli.

Yang ketiga, hasil kita ialah kelapa sawit. Kelapa sawit ini hendaklah kita perbaiki tentang kecekapan perusahaan, demikian juga penyelidikan, penggunaan supaya kita tidak dapat dikalahkan oleh persaingan minyak-minyak yang boleh mengancam pengeluaran kelapa sawit kita seperti minyak kacang soya, minyak jagung, minyak bunga. Usaha ini lebih banyak kita eksportkan, kalau boleh kelapa sawit ini kepada negara-negara yang banyak rakyatnya seperti China dan India.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai hasil negara kita, iaitu padi. Pernah saya bercakap dahulu supaya Kerajaan menaikkan harganya, nampaknya ada ura-ura Kerajaan hendak menaikkan harga padi ini kepada satu tingkat yang baik iaitu \$40 pada satu pikul. Ini adalah menggembirakan rakyat dalam negeri ini. Tetapi Kerajaan kena memerhatikan bila harga padi dinaikkan. Macam-macam penipuan yang dibuat oleh ahli-ahli penjaga iaitu kita tengok dalam masalah gred beras itu atau yang dilakukan oleh pengilang-pengilang dan pemborong-pemborong juga peruncit-peruncit. Masalah ini patut kita perhatikan supaya beras yang dikeluarkan itu dapat gred yang betul-betul dikeluarkan oleh kilang-kilang padi kita, tidak disalahgunakan oleh peniaga-peniaga.

Selain daripada itu ialah mengenai lada hitam.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi Mesyuarat*)

4.55 *ptg.*

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam persidangan Dewan yang berjalan pada hari ini tentulah kita akan meluluskan belanjawan negara yang berjumlah \$13,570,000 yang mana sebahagian daripada \$8,709,000 bagi belanja mengurus dan belanja pembangunan sebanyak \$4,861,000.

Anggaran yang begini besar, yang boleh dikatakan meliputi keseluruhan hasil mahsul negara dan cita-cita kita pada masa yang akan datang iaitu sekurang-kurangnya bagi tahun 1979 akan menjadi terganggu ataupun akan menjadi tergendala sekiranya dua unsur yang penting tidak dipelihara oleh Kerajaan.

Unsur pertama ialah unsur-unsur politik yang mempunyai dua jenis kedudukan iaitu yang dinamakan politik di bahagian bandar dan kedudukan politik di bahagian luar bandar.

Sepertimana yang kita ketahui kedudukan politik di dalam bandar ialah berkisar di sekitar fahaman perkauman yang tidak mustahil akan mencetuskan satu perbalahan yang besar di kalangan penduduk-penduduk bandar yang pada akhirnya atau melarat kepada seluruh negara.

Saya yakin perkara ini yang telah ditimbulkan baru-baru ini mengenai Universiti Merdeka walaupun pada lahirnya kita nampak keadaan ini telah menjadi kendur ataupun menjadi kurang tetapi pada hakikatnya belumlah mencapai kepuasan ataupun belumlah mencapai satu persetujuan yang boleh dikatakan satu persetujuan yang muktamad mengenai kedudukan antara kaum di dalam negara ini. Jawatankuasa Pengasas Universiti Merdeka telahpun mengugut untuk mengambil tindakan mahkamah berdasarkan Perlembagaan iaitu memberi kepercayaan kepada setiap puak itu mempelajari bahasa ibunda masing-masing. Inilah yang menjadi asas perbalahan ataupun yang menjadi asas yang sedang mengancam ketenteraman negara yang boleh jadi di dalam masa jangka yang pendek dan mungkin juga akan berlarutan bagi jangka masa yang panjang. Walaupun kita sedar bahawa Perlembagaan kita telah meluluskan iaitu kebebasan bagi mempelajari satu-satu bahasa ibunda adalah menjadi hak satu-satu kaum

tetapi saya percaya Perlembagaan ini dibuat dan kemungkinan ataupun keharusan mempelajari bahasa ibunda itu bukanlah di dalam konteks bahasa pengantar ialah sebagai bahasa ibunda yang boleh dipelajari oleh setiap kaum, bukanlah melalui bahasa pengantar di sekolah-sekolah atau di universiti-universiti.

Dalam hal ini, saya berharap Kerajaan akan mengambil satu sikap yang lebih serius supaya gejala-gejala yang akan menimbulkan kemusnahan kepada negara ini yang telah dikendalikan ataupun yang telah dilakukan oleh segolongan puak yang kecil ini perlulah disekat ataupun dihapuskan demi menjaga kepentingan majoriti ataupun kaum penduduk yang lebih banyak yang cintakan keamanan dan kemakmuran dan kestabilan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang kedua iaitu masalah politik di luar bandar, kita semua tahu bahawa keadaan politik di luar bandar ini adalah suatu perelisihan yang agak berat di kalangan orang-orang Islam sendiri khususnya di kalangan orang-orang Melayu yang telah membawa kepada perpecahan dan membawa kepada tidak ada ketenteraman di kampung-kampung. Apa yang malangnya ialah kedua-dua pihak mengatakan masing-masing ialah bertujuan untuk menegakkan syiar Islam yang maha suci.

Di dalam hal ini, kalau kita menilik sedikit daripada sejarah kedatangan Islam di negar-negara Melayu atau di Semenanjung Tanah Melayu semenjak tahun 1150 (H) ataupun kira-kira 400 tahun dahulu, ugama Islam telah berkembang dengan begitu pesat di dalam masa kurang daripada setengah abad ataupun kurang daripada 50 tahun. Rajaraja Melayu mulai daripada Perlis sampailah ke Singapura telahpun memeluk ugama Islam yang dibawa oleh orang-orang Arab daripada Semenanjung Arab dan juga Teluk Parsi. Mubaligh-mubaligh Islam ini bukan sahaja dihormati tetapi mereka diberi tempat yang istimewa sehinggalah mereka meninggal dunia, dengan kubur-kubur mereka itu dihormati dan disanjung tinggi dan dipanggil sebagai "Keramat" berdasarkan bahasa Arab maksudnya ialah "kubur yang mulia".

Kalau kita bandingkan iaitu kenapakah mubaligh ini telah mendapat kehormatan yang begitu walaupun setelah mereka meninggal dunia. Pada hemat saya kerana

mubaligh-mubaligh itu sebenarnya tidak mempunyai tujuan politik. Mereka datang hanya menjalankan perintah Tuhan, untuk menyampaikan perintah Allah dan Rasul untuk mengislamkan orang-orang Melayu khususnya dan mengajar mereka berbaik-baik di antara satu dengan lain. Saya percaya sekiranya mubaligh-mubaligh itu datang pada masa dahulu membawa satu ingatan hendak menguasai politik dan ekonomi negeri ini, maka sudah tentu pada masa itu Raja-raja Melayu akan berperang dengan mubaligh-mubaligh itu seperti mana mereka memerangi Portugis, Belanda dan juga orang-orang Ingeris. Jelaslah kepada kita bahawa tujuan mengembangkan Islam ini akan berjaya, akan lebih tersibar dengan luas sekiranya ia tidak membawa unsur-unsur politik yang boleh bukan sahaja menyekat perkembangan Islam, tetapi boleh memusnahkan kedudukan Islam sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Perlembagaan kita telah menentukan iaitu Ugama Islam sebagai Ugama Rasmi Negara dan di dalam Perlembagaan kita juga telah memperuntukkan iaitu perkara-perkara yang menjadi sensitif atau perkara-perkara yang boleh membawa kepada kemudharatan, kerosakan kepada masyarakat ditentukan dalam Perlembagaan seperti mana hak Raja-raja Melayu dan Hak Keistimewaan Orang-orang Melayu tidak boleh dibahas, tidak boleh disebut, tidak boleh diungkit-ungkitkan demi menjaga kepentingan dan ketenteraman negara.

Di dalam hal ini juga, saya sukalah meminta kepada Kerajaan dan pemerintah agar menimbangkan supaya perkataan Islam ini dapat disanjung tinggi, dapat diletakkan di mertabat yang tinggi, supaya tidak dipergunakan oleh mana-mana persatuan, mana-mana kelab, supaya tidak menimbulkan salah faham sehingga membawa kesilapan kepada akidah Islam sendiri. Kalau pun kita dapat mengasingkan di antara politik dan akidah, politik dan Islam, mungkin Islam akan dapat mencapai mertabat yang lebih tinggi seperti mana yang kita telah capai semasa mula-mula datangnya Islam ke negara kita ini.

Saya khuatir kalau kita luluskan, kalau kita benarkan perkataan "Islam" ini digunakan oleh mereka yang pada mulanya bertanggungjawab tetapi pada akhirnya tidak dapat mengawal oleh kerana kehendak-kehendak kepada material, kehendak-kehendak mereka kepada pangkat, kehendak-kehendak mereka kepada politik, maka pada

akhirnya mereka sendiri tidak dapat mengawal kebersihan dan ketinggian Islam. Oleh itu, saya rasa moleklah daripada sekarang Kerajaan menyiasat dan memikirkan dengan halus agar perkataan "Islam" itu biarlah tinggal kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan "ibadah" dan perkara-perkara yang berkenaan yang dikehendaki oleh Islam semata-mata supaya tidaklah kelak kita akan dapati iaitu Islam ini digunakan, itu Islam, ini Islam, kelab youth Islam, disco Islam, atau night club Islam ataupun lain-lain massage parlour Islam dan berbagai perkara lagi. Jadi saya haraplah Kerajaan dapat menimbangkan supaya perkataan "Islam" ini tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya. Walaupun kita hendak menggunakan ada pada tempat-tempat yang boleh digunakan "Islam" ini, tetapi mana-mana Persatuan yang bersifat Federal ataupun yang bersikap Pan-Malaysian patutlah lebih dahulu mendapat kebenaran untuk menggunakan perkataan "Islam" ini daripada Bahagian Hal Ehwal Ugama Islam, Jabatan Perdana Menteri ataupun Jumaah Fatwa Majlis-majlis Ugama Islam Malaysia. Kalau sekiranya Persatuan-persatuan ini bersifat kenegerian maka patutlah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Majlis Fatwa Negeri masing-masing. Inilah di dalam dua sudut pendapat saya mengenai dengan keadaan politik yang berlaku di bandar dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, mengenai pelajaran. Kita sekejap lagi di dalam Dewan ini juga akan meluluskan hampir \$2 billion bagi perjalanan pentadbiran pelajaran bagi penyelidikan daripada sekolah rendah sehinggalah ke Universiti. Pada masa sekarang ini walaupun kita telah mencapai kejayaan yang agak mengembirakan di dalam sudut pelajaran yang mana kita telah dapat mengeluarkan beribu-ribu graduate-graduate dan ratusan bilangan doktor-doktor, engineer-engineer dan sebagainya, tetapi kita masih belum mencapai satu konsep ataupun satu falsafah yang mengatakan seperti yang disebutkan di dalam bahasa Arab iaitu: Al Ilmu Nurul (ilmu itu adalah cahaya), kita masih di peringkat yang menyebut ilmu itu ialah wang. Jadi setiap dari kita baikpun daripada penuntut-penuntut mahupun daripada pensyarah-pensyarah masih belum dapat satu bahagian (group) intellectual kita yang

berpendapat bahawa pelajaran itu hanyalah untuk mengetahui, pelajaran itu ialah untuk berkhidmat dan untuk mengetahui hak dan yang bukan hak.

Sebagai sebuah negara yang membangun kita adalah memerlukan satu golongan cerdik pandai yang dapat memikirkan dengan penuh tanggungjawab. Mereka ini menjadi satu golongan yang menjadi perancang, mereka ini mesti jadi satu golongan yang memikirkan soal-soal yang timbul akibat daripada pelajaran. Saya berasa gembira di dalam Kementerian Pelajaran sendiri telah menguntukkan sebanyak \$12 million untuk penyelidikan dan perancangan. Saya haraplah peruntukan ini akan dapat dipergunakan bagi melahirkan cerdik pandai kita yang bukan sahaja memikirkan soal pelajar untuk mendapat wang atau untuk mendapat pangkat, tetapi pelajaran untuk melahirkan satu jenerasi yang berdisiplin, satu jenerasi yang bertanggungjawab. Mungkin pada masa 20 tahun yang akan datang kita akan dapat lihat semua orang-orang Melayu (Malaysian) ini berdisiplin akibat daripada perancangan yang berharga \$21 million pada tahun yang akan datang. Tentulah kita tidak berkehendak kepada pendidik-pendidik yang hanya memandang kepada wang, hanya memandang kepada gaji dan memandang kepada kekuasaan atau pangkat. Kalau kita terus-menerus bersikap demikian maka saya tidak yakin kita akan menjadi satu bangsa yang bertanggungjawab, satu bangsa yang berdisiplin di negara kita.

Yang ketiga, saya ingin sebutkan di sini ialah mengenai cukai pendapatan. Saya tidak hendak meminta supaya dikurangkan cukai pendapatan kepada individu, tetapi saya merasa amat kesal cukai-cukai yang dikenakan kepada Persatuan-persatuan yang menjalankan aktiviti-aktiviti memberi faedah kepada ahli-ahlinya, yang menjalankan kerja-kerja kebajikan dan tidak mencari keuntungan. Persatuan-persatuan seumpama ini dikenakan cukai sebanyak 40%-45%. Saya tunjukkan satu contoh iaitu sebuah bangunan yang dipunyai oleh Dewan Perniagaan Melayu Kedah yang saya tidak mempunyai kepentingan (interest) kewangan di sini. Saya cuma menjadi sebagai Pengerusi. Persatuan ini mendapat perolehan sebanyak \$5,500 sebulan, sebahagian daripada wang ini terpaksa dibayar kepada bank, kalau dikira dengan kasar perolehannya lebih kurang \$60,000-\$66,000 setahun. Sebahagiannya dibayar kepada bank

dan sebahagian lagi dibayar kepada cukai pendapatan sebanyak 40%-50%. Jadi peraturan ini telah melumpuhkan sama sekali perjalanan sebuah badan yang ingin membantu orang-orang Melayu di dalam perniagaan dan perusahaan. Kalau mereka tidak mempunyai wang bagaimanakah kita hendak menjalankan rancangan-rancangan untuk membantu Bumiputra di mana rancangan-rancangan yang ditinggalkan ataupun tercicir oleh pihak Kerajaan. Sebenarnya kita telah mengadakan rancangan-rancangan untuk mengadakan kursus-kursus yang tidak diadakan oleh Kementerian-kementerian atau pihak MARA, tetapi rancangan ini terpaksa dibatalkan dengan sebab cukai pendapatan yang terpaksa dibayar. Dengan ini saya berharap kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atau Timbalan-timbalannya supaya dapat memikirkan bahawa badan-badan yang tidak mencari keuntungan, yang perolehannya digunakan untuk kepentingan-kepentingan ahli dan kepentingan-kepentingan golongan yang menjadi Ahli Persatuan itu perlu ditimbang supaya dilepaskan daripada cukai pendapatan ataupun dikurangkan supaya memberi perluasan kepada pertubuhan itu untuk bergerak semoga dapat memberi faedah kepada ahli masing-masing.

Yang keempat ialah mengenai hasil-mahsul yang penting bagi negeri ini sepertimana yang telah dicakapkan oleh saudara saya Yang Berhormat Mulia Raja Datuk Nong Chik ialah mengenai dengan kedudukan perusahaan kayu-kayan. Pada masa yang lalu kita telahpun meluluskan satu Rang Undang-undang (Bill) yang membolehkan Badan Perkayuan (Timber Board) ini menjalankan kerja-kerja bagi menggalakkan perusahaan pada papan-papan dan kayu-kayu balak untuk dijadikan barang-barang yang selesai atau barang-barang yang sedia (finished product).

Mengikut Laporan Ekonomi Tahun 1978-1979 eksport kayu balak daripada Malaysia berjumlah 16 juta meter padu dan akan naik sebanyak 5% menjadi 16.9 juta meter padu dan kayu yang digergaji ialah 8.1 juta meter padu telah diekspot di dalam masa enam bulan di dalam tahun 1978. Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang banyak mengeksport barang-barang ini ialah negara Korea, Jepun, Taiwan dan juga negara-negara Eropah.

Sepanjang yang saya tahu daripada hasil eksport kayu-kayu papan itu negara-negara tersebut telah dapat menghasilkan pekerjaan kepada rakyat mereka tidak kurang daripada 20,000 orang. Barang-barang yang diekspot daripada negara kita, negara yang mengekspot itu telah dapat menghasilkan pekerjaan kepada rakyat masing-masing tidak kurang daripada 20,000 orang. Sekarang ini pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah bermati-matian berjalan serta ceruk dunia meminta supaya pelabur-pelabur daripada luar negeri datang ke sini hanya dengan tujuan untuk mengadakan pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat di negeri ini. Di samping itu di satu pihak yang lain, apa yang saya tahu, tidak menjalankan tugasnya dengan sempurna, oleh sebab itulah kita dapat kayu-kayu ini telah dibawa keluar sebagai kayu yang belum selesai dibuat ataupun rough sawn timber, kita kata yang masih boleh dibuat lagi.

Saya rasa dukacita hal ini, sepatutnya perusahaan kayu-kayan ini patutlah saya jelaskan sedikit, saya telah berkecimpung dalam hal ini lebih daripada 30 tahun. Saya fikir hal ini bukanlah satu perkara yang sophisticated atau perkara yang lebih susah seperti benda-benda electronik yang berkehendakkan satu teknologi yang tinggi (high technology) tetapi adalah dengan mudah dan sekarang inipun negara kita telah ada membuat barang-barang yang hampir siap, hanya dibawa ke Amerika Syarikat untuk dipasang dan dibawa ke negeri Jepun untuk dipasang dan terus dipakai. Perkara-perkara ini dapat kita buat dengan mudah tetapi yang kita dukacita di dalam Laporan Ekonomi kita dengan bangganya kita menunjukkan kenaikan eksport kita daripada barang-barang ini. Sepatutnya kita berasa dukacita di atas kenaikan eksport ini kerana kita lebih sebagai sebuah negara yang primitive yang tidak tahu menggunakan kayu kita sendiri yang terpaksa kita hantar balak keluar dan kita hantar rough sawn timber keluar negeri.

Di dalam hal ini saya rasa Timber Board ini kalau pun tidak diselaraskan dengan FIDA supaya mereka memahami akan kehendak-kehendak luar negeri dan kehendak-kehendak yang patut dijalankan oleh mereka. Saya dapat tahu banyakkah sungutan-sungutan daripada pengilang-pengilang dan juga pekerja-pekerja kayu ini Timber Board

ini tidak memberi kerjasama (cooperation), tidak memberi satu panduan kepada pengilang-pengilang padahal benda ini saya percaya dalam masa setahun atau dua tahun kita dapat membuat perkara ini dan dapat menjalankan dan dapat menambahkan mata pencarian dan dapat menambahkan jumlah eksport barang-barang kita menerusi barang-barang ini. Barang-barang yang dibawa keluar seperti rough sawn timber ataupun kayu gergaji ini adalah berharga lebih kurang 30% ataupun setinggi-tingginya 40% daripada barang yang telah siap. Maknanya jikalau kita dapat mengeluarkan barang ini sebagai barang ini sebagai barang yang hampir siap (semi-finished) maka kita akan dapat wang luar negeri (foreign exchange) yang berganda-ganda lebih. Oleh itu saya pintalah supaya Kementerian yang berkaitan bukan sahaja akan dapat memberi press statement tetapi patutlah mengambil tindakan yang saya rasa tidak ada satu sebab pun yang Timber Board ini tidak boleh berjalan dan jikalau keadaan ini tidak berubah maka saya berharaplah pihak Kementerian dapat menggantikan satu timber export yang baru atau diletakkan di bawah satu Jabatan yang lain yang boleh menyempurnakan tujuan-tujuan dan maksud negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir sekali yang saya hendak sebut di sini ialah mengenai dengan perkara Jabatan Ugama di Jabatan Perdana Menteri yang saya harap akan dapat merangkakan satu jadual kerja yang dapat merangkumi masalah-masalah yang serius yang timbul daripada berbagai-bagai fahaman mengenai agama Islam. Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebenarnya ada Hadis Nabi S.A.W. pernah bersabda: Aku tinggalkan kepada mu dua perkara, kalau kamu terus berpegang kepadanya maka kamu tidak akan salah iaitulah Quran dan Hadis. Tetapi kalau kita lihat pada hari ini ada di antara kita, bukan sahaja daripada segi politik tetapi daripada segi fahaman mengenai dengan agama pun masih kita tidak mendapat satu fahaman.

Izinkan saya dengan tulus ikhlas mengesyurkan supaya satu muktamar dapat dibuat ataupun dapat dilangsungkan yang saya rasa muktamar ini tidak perlu dihadiri oleh alim ulama agama semata-mata, perlu didapati fikiran daripada berbagai-bagai cross-section, daripada berbagai-bagai puak dengan kerana inilah yang dikatakan musyawarah. Kita tidak

mengadakan musyawarah dengan masing-masing mempunyai satu latar belakang, kita mestilah mengadakan mesyuarat dengan mereka yang mempunyai latar belakang yang berlainan, setelah itu barulah kita rojok kepada Quran dan Hadis.

Saya berharap di dalam masa yang singkat juga semua orang Islam mendapat satu fatwa atau satu petunjuk daripada Jabatan Ugama di Jabatan Perdana Menteri yang mana satu-kah yang betul sehingga rukun-rukun ibadat pun ada yang berpuasa mengikut rukyah dan ada yang berpuasa mengikut hisab. Setahu saya, saya tidaklah begitu alim dalam hal ini, tetapi saya belumlah pernah mendapat tahu bahawa puasa dengan hisab ini tidak sah. Jadi saya haraplah muktamar Islam ini dapat menganjurkan daripada berbagai-bagai puak yang di dalam ugama Islam supaya dapatlah orang-orang Islam mengikut mana satu Islam yang betul dan mana satu yang tidak betul.

Di dalam pada itupun saya ingin juga mendapat penjelasan sedikit daripada Jabatan ini mengenai dengan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1979 yang mana jumlah pada tahun 1978 sebanyak \$4,009,000 diperuntukan kepada Jabatan Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri tetapi pada tahun ini telah dikurangkan menjadi \$2,745,300. Ini bermakna telah kekurangan sebanyak \$1,347,000. Jadi tanggungan kita semakin besar, kewajipan kita semakin luas maka apakah sebabnya kedudukan kewangan kita telah dikurangkan.

Inilah serba-sedikit pendapat saya dan saya haraplah mendapat perhatian daripada Kerajaan.

5.30 ptg.

Datin Hajjah Mah'mon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ber-banyak-banyak terima kasih dan juga menyokong Belanjawan yang telah dikemukakan pada hari semalam.

Perkara yang saya hendak cakapkan ialah berkenaan dengan Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran. Perbelanjaan di bawah Maksud Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran nampaknya bertambah dari setahun ke setahun. Ini haruslah bilangan pegawai-pegawai Kerajaan, termasuklah tentera, polis, Ahli-ahli Parlimen dan lain-lain apabila cukup tempoh perkhidmatan mereka akan bersara, yang

mana Kerajaan terpaksa membayar ganjaran dan pencen bulanan. Mengikut Akta Pencen bahawa apabila seseorang pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat meninggal dunia, maka isterinya itu berhak menerima pencen suaminya selama 12½ tahun, jika ia tidak bersuami lain dan tidak bekerja dengan Kerajaan. Ada di antara isteri yang mempunyai seorang atau dua orang anak yang berumur antara setahun hingga tujuh tahun, ini bermakna apabila anak-anak itu sampai umurnya 16 tahun maka ibunya tidak lagi menerima bayaran pencen. Dengan demikian haruslah menjadi kerumitan kepada isteri itu hendak menanggung nafkah hidup anak-anak yang sedang bersekolah. Oleh hal yang demikian, pada hemat dan fikiran saya Kerajaan hendaklah mengkaji dan menimbang semula untuk menambahkan elaun pencen ini, iaitu daripada 12½ tahun itu dilanjutkan kepada 15 tahun untuk mengelakkan masalah-masalah yang akan dihadapi oleh seseorang isteri yang bekas suaminya berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Maksud P. 8, Jabatan Perdana Menteri berkenaan Pemberian kepada Negeri-negeri untuk projek Jalan-jalan di Luar Bandar. Mengikut maksud P. 8, pembangunan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Butiran 8—Pemberian kepada negeri-negeri untuk projek-projek Jalan di Luar Bandar telah di-untukkan sebanyak \$165 juta bagi tahun 1979. Ini menunjukkan peruntukan adalah tambah pada tahun 1979. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri yang telah menguntukkan tambahan yang sumpama itu. Daripada peruntukan tahun 1979, saya berharap Jabatan Perdana Menteri ini dapat menambahkan peruntukan yang lebih kepada negeri Pahang untuk membuat jalan-jalan baru di luar bandar yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kerana jalan-jalan di luar bandar yang telah dibina oleh Allahyarham Tun Abdul Razak semasa beliau menjadi Perdana Menteri sehingga hari ini kita dapati kebanyakan jalan-jalan itu tidak dibaiki dengan sempurna dan ini adalah menjadi buah mulut penduduk-penduduk yang duduk di luar bandar. Saya percaya Kerajaan Negeri sedang menunggu pemberian peruntukan yang cukup bagi membaikinya.

Di sini juga saya ingin memberitahu iaitu ada baiknya jika Ahli-ahli Dewan Negara dapat menduduki di dalam Jawatankuasa Luar Bandar Daerah supaya dapat mereka

ketahui apakah projek-projek luar bandar yang sebenarnya dikemukakan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri. Ada di antara Ahli-ahli Dewan Negara di Negeri Pahang telah dijemput hadir di dalam mesyuarat Luar Bandar Daerah dan ada di antaranya tidak dijemput hadir. Saya berterima kasih jika sekiranya Jabatan Perdana Menteri dapat memberitahu Kerajaan Negeri Pahang supaya menjemput Ahli-ahli Dewan Negara ini bersama-sama hadir dalam mesyuarat Luar Bandar Daerah supaya dapatlah Ahli-ahli itu mengetahui, apakah projek-projek yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada Maksud P. 24, iaitu berkenaan dengan pertanian, Butiran 25—Kemudahan-kemudahan Pengeluaran Tanaman, muka surat 164. Mengikut anggaran peruntukan tahun 1979, Kementerian Pertanian telah menguntukkan sebanyak \$3,078,500 berbanding dengan tahun 1978 hanya \$2,255,400. Ini bermakna tahun 1979 akan mendapat tambahan sebanyak \$823,100, lebih daripada tahun yang lepas. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah berusaha merancang berbagai-bagai projek untuk memberi kemudahan dalam bidang pertanian. Dengan peruntukan yang dianggarkan bagi tahun 1979 akan datang ini, saya berharap Kementerian Pertanian ini dapat menambahkan lagi usaha membanyakkan bercucuk tanam. Jika ada didapati taliair yang tidak dapat dibekalkan air dengan secukupnya, maka siasatan hendaklah dibuat dengan seberapa segera oleh Pengarah Parit dan Taliair Negeri bagi membolehkan kawasan-kawasan yang kering itu ditanam.

Di dalam bidang tenaga pekerja, saya juga telah difahamkan berkurangan kerana mudamudi di mukim-mukim di sesebuah daerah itu keluar berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan, dan yang tinggal di mukim-mukim itu hanyalah orang-orang tua sahaja. Bagi mengatasi masalah ini, saya rasa eloklah Kementerian ini ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri memberi dan menambah lebih banyak lagi jentera untuk menanam padi, buah-buahan dan sayur-sayuran, manakala pemuda-pemuda yang menganggur hendaklah diberi galakan untuk menjayakan perusahaan pertanian.

Saya berharap pandangan saya ini akan mendapat perhatian dan pertimbangan daripada Kementerian Pertanian semoga segala

tujuan-tujuan dalam Dasar Ekonomi Baru dapat berhasil untuk meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar, dan jika sekiranya peruntukan itu tidak mencukupi, saya berharap Kerajaan tidak teragak-agak untuk memberi tambahan yang dikehendaki oleh Kementerian Pertanian itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada muka 174 juga iaitu Butiran 224—“Kemajuan Pelabuhan-pelabuhan Ikan”. Peruntukan di bawah tajuk Kemajuan Pelabuhan-pelabuhan Ikan Semenanjung Malaysia bagi tahun 1979 telah dianggarkan sebanyak \$12,946,040 dan peruntukan ini juga telah bertambah. Saya berharap dengan adanya tambahan kepada peruntukan ini, projek-projek yang telah dicadangkan itu akan dapat dijalankan termasuk projek di negeri Pahang untuk membina sebuah Pelabuhan Ikan di Tanjung Lumpur Kuantan yang mana Tanjung Lumpur adalah salah sebuah dari kampung nelayan yang terbesar sekali di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, yang tidak ada mempunyai kemudahan pelabuhan yang sempurna. Apa yang ada pada hari ini ialah sebuah jeti kecil yang telah dibina dalam tahun 1964. Selain daripada itu beberapa buah jeti sementara yang dibuat oleh nelayan-nelayan sendiri daripada batang-batang Nibong dan ini amatlah sukar nelayan itu hendak menjalankan perusahaan-perusahaan mereka menangkap ikan di sekitar pantai Laut China Selatan.

Bagi makluman Dewan ini, nelayan-nelayan di Pantai Timur Pahang banyak mengeluarkan tangkapan ikan air laut untuk dihantar dan dijual ke negeri-negeri luar dari Pahang. Dengan demikian projek membina pelabuhan di Tanjong Lumpur, Kuantan hendaklah dibina atau dimulakan awal tahun hadapan. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan jika projek ini dapat di-segerakan, yang mana ini juga telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Allahyarham Tun Haji Abdul Razak pada beberapa tahun yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajaran. Apa yang mendukacitakan iaitu pada tahun ini juga Kementerian Pelajaran telah membuat pertukaran buku-buku teks di sekolah-sekolah rendah. Tetapi ada di antara sekolah-sekolah sehingga akhir bulan Ogos 1978 yang lalu masih belum menerima buku-buku baru yang telah ditukar itu. Saya sukalah menasihatkan Kementerian Pelajaran supaya menyediakan buku-buku pertukaran itu

dahulu barulah memberi arahan supaya buku-buku teks itu ditukar, kalau tidak anak-anak kita jugalah akan ketinggalan di belakang dari segi pelajaran. Ini amatlah mendukacitakan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini juga saya dapati di muka surat 233 iaitu Maksud B. 29 di bawah tajuk Pelajaran Rendah dan Menengah. Berkenaan dengan peruntukan Pelajaran Ugama, pada tahun 1978 peruntukannya adalah sebanyak \$22,872,000 tetapi malangnya pada tahun 1979, kosong. Ini juga saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi tambahan iaitu berkenaan letrik di luar bandar. Ini adalah mendukacitakan juga kerana apabila sampai pilihanraya, di waktu itulah baru wakil-wakil yang akan bertanding di tempat itu tergesa-gesa menemui pengundi-pengundi dan membuat berbagai-bagai janji. Apabila habis pilihanraya maka janji-janji itu tinggallah janji sahaja.

Begitu juga paip air. Dalam masa kempen-kempen pilihanraya dijalankan, masa itulah juga kita bersusah-payah mengangkut batang paip dengan lori dan diletak ditepi-tepi jalanraya, tetapi apabila habis pilihanraya tinggallah batang-batang paip di tepi-tepi jalanraya. Ini juga sangat mendukacitakan kami kerana di negeri Pahang, saya selalu sangat berjalan daripada Kuantan ke Kuala Lumpur untuk menghadiri mesyuarat atau lain-lain dan kami telah ditahan oleh pengundi-pengundi di tengah jalan, bertanya: "Mengapa ini Yang Berhormat, mana dia airnya"? Jadi, apalah kami hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua. Terpaksa juga bercakap bohong: "Ada dalam anggaran tahun 1979, mungkin tahun hadapan Kerajaan akan mula memberi air paip." Ini juga saya harap Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam tidaklah menghampakan pengundi-pengundi di kawasan-kawasan yang saya katakan tadi.

Begitu juga dengan letrik. Ada pula alasan yang diberikan wayar tidak sampai. Ada pula alasan mengatakan yang tiang tidak ada, yang mana kita tahu pada hari ini negeri kita ini kaya dengan kayu balak terutama di negeri Pahang. Kalau alasan mengatakan tiang tidak ada, ini semata-mata satu alasan yang tidak menasabah, sebagai kata pepatah: melepaskan batuk di tangga sahaja.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, banyaklah kita dengar tadi rakan-rakan saya telah menceritakan berkenaan dengan taun. Ini juga sangat menyedihkan. Saya masih tidak lupa lagi, pada tahun yang lepas saya telah bercakap di dalam Dewan ini berkenaan dengan penyakit taun. Penyakit taun ini mula merebak di Kelantan. Saya telah memberitahu dalam Dewan ini kepada Menteri Kesihatan supaya dapat kita mengawalkan penyakit-penyakit itu supaya tidak merebak.

Saya tahu apabila sudah ada di Kelantan mesti ada di Trengganu. Apabila sudah ada penyakit itu di Trengganu mesti pergi ke negeri Pahang. Tetapi kita mestilah mengadakan kawalan untuk mencegahnya. Jikalau buah-buahan ini masuk ke negeri Pahang melalui Trengganu terutama Buah Durian yang pecah, yang mana kita tahu apabila buah itu pecah banyaklah lalat mengerumun dan lalat itu yang membawa berbagai-bagai penyakit yang berjangkit. Durian yang pecah ini juga dibawa ke negeri Pahang dan dijual kepada rakyat. Kalaulah Kementerian Kesihatan mengambil berat untuk mengawal, saya rasa penyakit ini tidaklah merebak. Dan lagi berkenaan dengan penyakit taun ini, saya ingat daripada kecil lagi sehingga sudah tua baru inilah penyakit ini berlaku begitu buruk di negeri kita ini. Pada masa dahulu kita tidak dengar kejadiannya teruk seumpama hari ini. Saya rasa patut juga Kerajaan Pusat memberi bantuan yang tertentu kepada Kerajaan Negeri supaya dapat mencegah penyakit-penyakit ini merebak daripada satu tempat ke satu tempat.

Begitu juga berkenaan dengan tempat rawatan pesakit-pesakit ini. Saya telah diberitahu apabila penyakit ini merebak, tidak ada mempunyai cukup tempat untuk dirawat di hospital kerana penyakit ini adalah penyakit yang ganjil dan diasingkan tempat duduk khas yakni tempat berlainan dengan pesakit-pesakit lain. Pesakit-pesakit lain boleh diberi sebuah bantal dan sebuah tilam, bolehlah pesakit-pesakit itu duduk di situ. Tetapi penyakit taun ini ganjil, kita mesti adakan satu tempat khas untuk pesakit itu membuang air. Kalaulah kita hendak siapkan serta-merta, mengambil masa yang panjang. Ini juga mendatangkan satu kesulitan. Tetapi apabila perkara ini sudah berlaku, saya rasa barulah timbul. Kementerian patut menyediakan perkara-perkara yang seumpama itu untuk persediaan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan saya, apabila berlaku penyakit itu di negeri Pahang ini, lima hari masih belum seorang daripada Kementerian Kesihatan datang mengunjungi negeri Pahang yang mana kita tahu ramai pesakit-pesakit itu diletakkan di hospital-hospital di seluruh negeri Pahang yang mana kita tahu seramai 164 orang telah kena penyakit ini dan juga kalau kita menengok repot, seluruh Malaysia begitu ramai, beribu yang kena penyakit taun.

Ada pula satu lagi, bukan penyakit tetapi yang disyaki sahaja, belum tentu lagi samada dia mengidap penyakit itu atau tidak. Itupun meningkat berpuluh ribu juga. Ini adalah menyedihkan kita. Saya tidak berani hendak menegaskan, tetapi saya rasa ini adalah kecuaiannya kita juga, bukan lain. Nampaknya dari segi kesihatan itu sangatlah mustahak dan peranan ini hendaklah dimainkan oleh Kementerian Kesihatan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara yang seumpama ini tidaklah berlaku lagi dan sama-samalah kita berdoa sekiranya perkara ini berlaku tidaklah kita mendapat berbagai-bagai kesulitan sepertimana yang kita telah hadapi pada masa-masa yang lampau.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini dtempohkan sekarang selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 5.50 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.08 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

6.08 ptg.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menyokong dengan sepenuhnya di atas ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari semalam untuk membentangkan peruntukan perbekalan perbelanjaan bagi tahun 1979.

Saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia atas ucapan beliau bagi membentangkan Belanjawan sebagaimana yang saya telah katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan peruntukan yang telah disediakan dalam pengurusan Kerajaan dan juga perbelanjaan pembangunan sejak tercapainya kemerdekaan negara kita adalah satu peruntukan yang besar bagi menguruskan di dalam segi pengurusan Kerajaan dan juga dari segi menguruskan pembangunan untuk kepentingan negara dan rakyat jelata di dalam negara kita ini.

Walau apapun peruntukan yang telah dibuat dari satu masa ke satu masa dan sejak negara kita telah mencapai kemerdekaan, pada hari, saat dan ketika ini negara kita telah dewasa dari segi kemerdekaan; sudah 21 tahun. Dan saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa dari segi pengurusan Kerajaan maka tiap-tiap seorang yang telah diberi tanggungjawab untuk memastikan, Tuan Yang di-Pertua, apakah tanggungjawab mereka terhadap negara, terhadap bangsanya dalam masalah menguruskan dari segi pengurusan Kerajaan. Ini terpulanglah kepada jentera Kerajaan iaitu yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan sama ada di peringkat rendah ataupun setinggi-tinggi peringkat yang telah diwujudkan dari semasa ke semasa untuk menyelaraskan segala usaha tenaga untuk kepentingan negara kita dan rakyatnya sekalian.

Kita tidak berkehendakkan bahawa masih ada lagi perkataan-perkataan yang disebar-kan atau dicurahkan kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan kita, dari satu masa ke satu masa tidak mempunyai tanggungjawab yang sebenarnya dalam ertikata tanggungjawab. Kalaulah begitu kedudukannya, walau berapa banyak juta ribu ringgit sekalipun diperuntukkan maka peruntukan itu sia-sia sahaja tidak dapat dibelanjakan sebagaimana yang dikehendaki atau sebagaimana yang telah diperuntukkan dari satu masa ke satu masa di dalam satu-satu Kementerian ataupun jabatan-jabatan Kerajaan di dalam Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menyalahkan lagi kakitangan Kerajaan di peringkat bawahan. Kalau bagi pihak kakitangan Kerajaan di peringkat atasan tidak sebegitu tanggungjawab atas tanggungjawab mereka yang telah diberikan sebagaimana yang dikehendaki oleh kita sebagai Kerajaan yang berparti dengan membuat dasar Kerajaan untuk kepentingan rakyat dan

negara kita. Inilah satu masalah yang timbul dari satu masa ke satu masa bahawa segala-galanya adalah diutarakan kepada pihak kakitangan Kerajaan sama ada dari pihak Kerajaan sendiri mentelahan pula dari pihak parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa hasrat Kerajaan berparti ialah semata-mata mengharapkan dedikasi dan tanggungjawab yang sebenar-benarnya daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan sama ada di peringkat bawah mahupun di peringkat atasan. Tanpa tanggungjawab mereka atau dedikasi kepada Kerajaan ataupun kepada diri mereka sendiri maka tidak dapatlah dilaksanakan beberapa rancangan dari masa ke semasa bahkan kita mengetahui bahawa Kerajaan sejak merdeka telah mencetuskan Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua, dan sekarang di dalam penengahan Rancangan Malaysia Ketiga. Kita berharap dengan sepenuh harapan supaya ada yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya tiap-tiap seorang sama ada daripada Jabatan Kerajaan ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan seterusnya pada tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri hendaklah memberikan kerjasama yang erat kepada jentera Kerajaan iaitu pegawai-pegawai Kerajaan. Kadangkala kita tidak boleh mempersalahkan mereka ini oleh sebab dengan egoistic kita, dengan kita memikirkan bahawa kita adalah Wakil Rakyat maka apa kehendak kita mesti dilakukan oleh pegawai-pegawai tinggi Kerajaan. Saya rasa, perkara ini tidak mesti diperlakukan oleh sebab apa yang kita kehendaki ialah kerjasama yang erat tegur-menggur, memberi pandangan yang ikhlas untuk kepentingan itu dan kepentingan mereka yang telah diberi tanggungjawab sebagai jentera Kerajaan untuk melaksanakan segala dasar yang telah kita rancangkan demi kepentingan rakyat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang menimbulkan masalah. Saya juga adalah seorang bekas pegawai Kerajaan yang telah berkhidmat selama 27 tahun, bila saya dikehendaki menjawat jawatan ataupun ditawarkan oleh parti untuk menjadi sebagai seorang Senator maka saya tidak ada kira lagi dalam masalah kepentingan masa depan saya. Oleh sebab saya sudah memikirkan adalah tanggungjawab saya sebagai pemimpin politik yang telah diberi tanggungjawab untuk membantu Kerajaan, untuk membantu parti

kita demi kepentingan rakyat keseluruhannya. Dalam masalah ini, maka saya tidak kira lagi kerana memikirkan kita korbankan tenaga untuk kepentingan bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa bukan keseluruhan pegawai-pegawai Kerajaan yang menyeleweng yang tidak bertanggungjawab. Ada setengah-setengahnya kita pastikan telah diberi kepujian oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sebagaimana yang kita ketahui Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan dan juga Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu.

Kita berkehendakkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab macam inilah tanpa mengira dalam segala masalah untuk kepentingan bangsa dan negara kita, terpaksa-lah kita berusaha tanpa mengirakan dari segi keperibadian kita sendiri. Saya mengucapkan syabas dan memberi penghargaan yang penuh kepada kedua-dua pegawai yang telah diberi kepujian oleh Timbalan Perdana Menteri kita baru-baru ini. Dan kita berharap kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang lain akan muncul dengan seberapa ramainya demi kepentingan negara kita, demi kepentingan tanggungjawab kita yang telah dibebankan kepada kita oleh kerana kita adalah rakyat yang bertanggungjawab di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah peruntukan yang telah diberikan dengan sebegitu banyak yang berjumlah \$8,709 juta bagi perbelanjaan pengurusan dan \$4,861 juta perbelanjaan bagi pembangunan. Kalau kita tidak bergerak ataupun berusaha dalam masalah peruntukan yang telah diberikan ini maka kesalahan adalah terpikul kepada kita sendiri, samada kita sebagai Wakil Rakyat, sama ada kita sebagai Ahli Senate, sama ada kita pegawai-pegawai tinggi Kerajaan ataupun rendah maka inilah akan menjadi bebanan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah peruntukan yang telah diberikan sebanyak \$4,000 juta lebih untuk perbelanjaan pembangunan yang akan diberi pula bila masa Rancangan Malaysia Ketiga ini akan dikaji semula, maka ini juga adalah satu peruntukan yang besar untuk membangunkan negara kita demi kepentingan rakyat samada Bumiputra ataupun bukan Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa Kementerian dalam ucapan saya ini agar dapat kita memastikan bersama supaya segala kehendak-kehendak rakyat dapat diselaraskan, dapat diutamakan tanpa rungutan-rungutan di masa-masa yang akan datang yang dianjurkan oleh rakyat jelata kepada Wakil-wakil Rakyat sama ada di peringkat Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen dan juga Senate.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada beberapa Kementerian, rasa saya adalah berlebihan ataupun pertambahan yang tertentu dalam Kementerian-kementerian yang berkenaan. Tetapi apa yang dikehendaki ialah usaha yang gigih dari Kementerian-kementerian untuk menyumbangkan sebagaimana yang dikehendaki oleh negara kita. Saya suka memberi satu contoh di dalam Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Dalam masalah Kementerian Tenaga ini boleh dikatakan satu Kementerian yang mempunyai tenaga tetapi sebaliknya tidak mempunyai tenaga langsung. Kita dapati beberapa komplek daripada satu masa ke satu masa sehingga hari ini boleh dikatakan ada sahaja masalah yang ditimbulkan oleh pihak-pihak yang tertentu dan juga kita sebagai rakyat yang berkehendakkan tenaga yang dynamic daripada Kementerian.

Dalam masalah Lembaga Letrik Negara, kadangkala kita pun tidak tahu apa hendak dikatakan kepada rakyat. Bila diminta lampu jalan (street lighting) yang telah diberi peruntukan samada kepada Kerajaan Negeri ataupun di Majlis-majlis Perbandaran kepada Lembaga Letrik Negara itu tidak dapat disampaikan. Kadang-kadang kata mereka ada lampu (bulb) tetapi tidak ada cabang; ada cabangnya tetapi tidak ada tiang, dan kebanyakan tiang yang digunakan di luar bandar adalah daripada kayu. Ini yang menjadi masalah, yang menjadi soalan kepada kita. Bagaimanakah kedudukan kayu-kayu di dalam negara kita. Adakah negara kita mengeksport keluar tanpa mengirakan kegunaan kita sendiri dan cara mana yang mereka ini membuat pesanan dalam masalah

mengadakan tiang-tiang lampu letrik di luar bandar dan macam mana peruntukan yang telah dibuat oleh Lembaga Letrik Negara ataupun Kementerian ini dalam masalah membekalkan mentol-mentol lampu di tepi jalan ataupun street lighting ini ataupun lampu yang hendak dipasang. Kenapa tidak dipastikan bahawa segala peruntukan itu mesti cukup daripada satu masa ke satu masa kepada peruntukan pengurusan yang telah diberikan oleh Kerajaan kita dalam masalah menyumbang tenaga kepada rakyat jelata yang telah kita merdekakan negara kita sejak 21 tahun yang lalu. Ini adalah satu masalah yang besar dan bagi kita Wakil-wakil Rakyat untuk memberikan pencerangan kepada rakyat jelata yang kita bertanggungjawab kepada mereka.

Satu lagi mengenai masalah talipon. Kadang-kadang kita pun pelik, ada engaged pula, kita bercakap dia bercakap. Saya pernah bercakap, dia bercakap saya dengar, saya bercakap pun dia dengar, kadang-kadang saya kata "Apa kerja ini!". Kadang-kadang mereka bercakap, bercinta dalam talipon itu. Inipun masalah juga yang ditimbulkan. Kadang-kadang hendak bercakap dalam talipon ini cukup susah walhal pegawai-pegawai kita yang mempunyai kebolehan ada, dan dihantar mereka keluar negeri untuk memastikan untuk mendapatkan pengalaman atau pengetahuan untuk melipatgandakan usaha-usaha mereka dalam masalah tugas mereka di dalam telecommunication yang kita berkehendakkan pada hari ini supaya tidak diperkatakan samada di dalam Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Rakyat ataupun dalam Dewan Negara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok.

Tuan Ismail bin Hashim: Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 18hb Disember, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.